

BAB EMPAT

WANITA MELAYU DAN POLITIK MALAYSIA

Kaum wanita Melayu di Malaysia telah lama memainkan peranan yang aktif dalam politik. Apabila organisasi politik berkembang maka bilangan wanita yang terlibat juga turut bertambah.

4.1. Sejarah Politik Wanita Melayu

Masyarakat Melayu di bawah sistem beraja boleh dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada kalangan bangsawan iaitu para pemerintah negara termasuk Sultan, para pembesar dan kaum kerabatnya.¹ Ruzy Suliza (1996) berpendapat bahawa perbezaan gender telah lama wujud dalam masyarakat tradisional Melayu dan ketara semasa Tanah Melayu dikuasai oleh sistem pemerintahan beraja.² Pada dasarnya di zaman feudal atau zaman kegemilangan pemerintahan sistem beraja, politik dikuasai oleh golongan lelaki menyebabkan golongan wanita tidak dapat melibatkan diri secara aktif dalam bidang ini. Pendapat ini boleh diperdebatkan lagi. Dalam hikayat-hikayat Melayu terdapat cerita-cerita yang menunjukkan pengaruh wanita

¹ Bukan golongan ini sahaja yang berpengaruh dalam pentadbiran sesebuah kerajaan tetapi permaisuri atau isteri mereka turut memainkan peranan yang penting. Ini termasuk melahirkan zuriat yang bakal menjadi pengganti kepada raja atau para pembesar tersebut.

² Ruzy Suliza Hashim, *The Question of Succession: The Role of Women in Traditional Malay Court Politics*, Deep South, V.2.n.3, 1996, m.s. 1-2.

sebagai pemerintah negara. **Sejarah Melayu**³ telah membuktikan dalam masyarakat **Melayu** tradisional wujudnya campurtangan wanita dalam pemerintahan negeri-negeri di **Tanah Melayu** dan di Kepulauan Melayu. Kaum wanita juga turut campur tangan **dalam politik istana** apabila timbul sesuatu krisis atau menjadi pendamai politik dalam **konflik dalaman** dan muncul sebagai pemerintah yang disegani oleh rakyat.

Sejarah kerajaan Aceh yang terkenal dengan gelaran Serambi **Mekah** **mencatatkan** bahawa terdapat beberapa pemimpin dari kalangan wanita Melayu **Islam**. **Puteri Safiah**, iaitu isteri kepada Sultan Iskandar Thani⁴ merupakan seorang pemerintah **wanita** yang dilantik untuk memerintah Aceh. Perlantikan baginda adalah kerana **Sultan tidak meninggalkan** waris lelaki dan Puteri Safiah memakai gelaran Sultanah Tajul Alam **Safiatudin** Syah pada tahun 1645-1675.⁵ Walaupun perlantikan ini ditentang oleh **golongan** ulamak Aceh tetapi Sultanah merupakan seorang pemerintah **yang menitikberatkan** hal-hal agama. Menurut Tengku Iskandar di dalam teks **Bustanul Salatin**, semasa pemerintahan Puteri Safiah, hukum-hukum dan ajaran agama **diberi penekanan**.⁶ Selepas Puteri Safiah, takhta Aceh dipegang oleh dua orang lagi pemerintah

³ **Sejarah Melayu** dikatakan disusun oleh Tun Sri Lanang yang merupakan keturunan Tun Mutahir iaitu seorang bendahara pada akhir pemerintahan kerajaan Melaka. **Sejarah Melayu** telah digunakan oleh ramai penulis tempatan dan penulis Barat seperti Winstedt (1930) dan Wilkinson (1935). Kebanyakan penulis menganggap Sejarah Melayu sebagai sumber utama pengetahuan kepada budaya dan sosial orang **Melayu**. Sila lihat Wazir Jahan Karim, Women, Culture Between Malay Adat and Islam, m.s. 30-32, 38-42 dan 58-60. Pada tahun 1909, Sejarah Melayu telah diterjemahkan mengikut Rumi oleh Shellabear, W.G., **Sejarah Melayu**, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1977.

⁴ **Sultan Iskandar Thani** merupakan putera kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang memerintah **Aceh semasa** zaman kegemilangannya. Baginda mangkat pada tahun 1636.

⁵ Institut Tadbiran Awam Negara, **Malaysia Kita**, Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Sdn. Bhd., 1991, m.s. 208-212.

⁶ **Tengku Iskandar**, Bustanul Salatin, Bab II, Fasal 3, m.s. 58-59.

wanita iaitu Sultanah Nurul Alam Naqiatuddin Syah dan Sultanah Inayah Zakiatuddin.⁷ Iⁱ membuktikan bahawa semasa zaman keagungan Islam di rantau Melayu, wanita Melayu Islam telah berkuasa dan terlibat secara aktif dalam politik negara masing-masing. **Hikayat Seri Kelantan** dan **Ceretera Kelantan** turut menceritakan perihal Putri Sa'dong dan Cik Siti Wan Kembang sebagai pemerintah di Kelantan.⁸ Di sebalik kemegahan kewujudan sebilangan kecil golongan pemerintah wanita ini, kebanyakannya merupakan golongan bangsawan iaitu puteri raja, permaisuri atau mempunyai pertalian dengan para pembesar. Dalam politik istana di Kelantan dan Aceh pemerintah wanitanya mempunyai ikatan keluarga dengan pemerintah sebelumnya. Lazimnya perlantikan ini berlaku kerana ketiadaan waris lelaki untuk dilantik bagi menggantikan Sultan yang mangkat. Perlantikan golongan ini berdasarkan kepada struktur kekuasaan yang wujud dalam sistem pemerintahan istana. Untuk melantik seorang wanita biasa menjadi pemerintah negara adalah suatu perkara yang agak sukar di zaman feudal. Walaupun seorang wanita biasa boleh berkahwin dengan raja tetapi mereka diiktiraf sebagai gundik, dan tidak menerima gelaran permaisuri. Taraf sebagai seorang gundik merupakan satu kedudukan yang amat hina dalam masyarakat Melayu yang menyebabkan reputasi keluarga terabit terjejas.⁹ Mazianah Abd. Muin (1996) memetik daripada Gullick (1970) mendakwa, wanita dari kelas bangsawan sama ada isteri atau anak Perempuan tidak mempunyai pengaruh politik dan kuasa.¹⁰

⁷ Institut Tadbiran Awam Negara, op. cit., m.s. 208-212.

⁸ Fatimah Abdullah, "Wanita dan Politik Di Kelantan," dalam Muhamad Agus Yusoff (pnyt), **Pembangunan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995**, Bangi, UKM, 1995, m.s. 86.

⁹ Wazir Jahan Karim, **Women, Culture Between Malay Adat and Islam**, m.s. 41.

¹⁰ Mazianah Abdul Muin, " Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1996/1995, m.s. 12-13.

Bagaimanapun mengikut **Sejarah Melayu**, anak-anak pembesar turut berpengaruh untuk menentukan kestabilan politik negara. Ada di antara mereka mendapat gelaran Seri Kandi Melayu iaitu gelaran yang diberikan kepada golongan wanita yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang setanding dengan lelaki atau lebih tinggi daripada mereka.¹¹ Gelaran ini memberi maksud penglibatan aktif wanita tersebut dalam politik istana serta keberanian dan kebijaksanaan mereka menangani krisis-krisis yang timbul di istana.

Pengaruh wanita dalam politik istana di zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kaitan yang rapat dengan peranan keluarga bendahara dan hubungan dengan Sultan.¹² Kaum wanita pada zaman itu digunakan sebagai orang tengah atau pendamai di antara dua pihak yang bertelagah atau sebagai hadiah demi untuk kepentingan politik melalui perkahwinan.¹³ Riwayat hidup Dang Anum,¹⁴ Tun Fatimah¹⁵ dan Tun Kudu merupakan antara contoh peranan wanita menentukan hala tuju politik dan kekuasaan dalam negara. Sejarah menunjukkan golongan wanita ini menjadi korban dalam setiap pertelingkahan yang selalunya melibatkan kaum lelaki.

¹¹ Ibid., m.s. 38.

¹² Tun Seri Lanang telah menghuraikan dengan lebih lanjut tentang hubungan di antara keluarga bendahara dan Sultan dalam **Sejarah Melayu**.

¹³ Ruzy Suliza Hashim, op. cit. m.s. 1-6.

¹⁴ Dang Anum merupakan anak kepada Sang Rajuna Tapa iaitu bendahari Singapura. Beliau telah diambil oleh Raja Singapura sebagai gundik. Dang Anum lebih disukai oleh Sultan berbanding dengan gundik-gundik yang lain maka beliau telah difitnah mempunyai hubungan sulit dengan seorang pahlawan Melayu. Dang Anum telah disula tetapi akibat daripada peristiwa ini bendahari telah membuka pintu pagar utama yang menyebabkan musuh daripada Majapahit dapat masuk dan menawan Singapura. Sila lihat rujukan mengenai hal ini dalam Wazir Jahan Karim, **Women, Culture Between Malay Adat and Islam**, m.s. 40-41. Untuk keterangan yang lebih lanjut sila rujuk **Sejarah Melayu** dan **Malay Annals**.

¹⁵ Tun Fatimah ialah anak kepada Bendahara Melaka iaitu Seri Maharaja Tun Mutahir. Tun Mutahir ialah anak kepada Tun Kudu dengan Seri Nara Diraja.

Mengikut **Sejarah Melayu**, pengaruh Tun Kudu dalam politik kesultanan Melaka amat besar. Tun Kudu¹⁶ merupakan anak Bendahara Seri Wak Raja, bendahara Melaka. Beliau berkahwin dengan Raja Kassim yang berketurunan Tamil. Raja Kassim memperolehi takhta melalui satu perebutan takhta dengan saudara tirinya iaitu Raja Ibrahim.¹⁷ Raja Kassim telah berpaktat dengan bapa saudaranya iaitu Tun Ali Seri Nara Raja dan setelah dilantik menjadi sultan, memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah. Tun Ali, kerana cemburukan Bendahara Seri Wak Raja telah meracun beliau dan memegang jawatan sebagai bendahara dengan gelaran Bendahara Seri Nara Diraja. Manakala anak bendahara Seri Wak Raja iaitu Tun Kudu telah menerima lamaran Sultan kerana ingin menuntut bela di atas kematian bapanya. Apabila tembelang Tun Ali pecah, beliau telah dibuang negeri dan tempatnya diganti oleh Tun Perak.¹⁸ Perlantikan Tun Perak berlaku di atas desakan Tun Kudu yang merupakan kakak kepada Tun Perak. Bagaimanapun keselamatan Melaka terancam apabila Tun Ali mengugut akan menimbulkan kekacauan sehingga Sultan bersetuju ‘memberi’ Tun Kudu kepada beliau untuk dijadikan isteri. Atas kesedaran kemampuan Tun Ali menimbulkan huru hara, Tun Kudu telah memujuk Sultan agar memenuhi permintaan tersebut. Sultan bersetuju dan menceeraikan Tun Kudu yang kemudiannya berkahwin dengan Tun Ali.

¹⁶ Sila lihat rujukan mengenai sejarah Tun Kudu dalam Hamdan, **Tun Kudu**, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1962.

¹⁷ Perebutan takhta berlaku di percaya kerana rakyat tidak sukakan Raja Ibrahim walaupun baginda berketurunan raja di kedua belah ayahanda dan bondanya. Raja Kassim merupakan putera sulung tetapi dari isteri yang kedua daripada keturunan Tamil Muslim. Sultan telah berkenan untuk melantik Raja Kassim menggantikan baginda tetapi perkara ini telah ditentang oleh permaisuri. Oleh itu Raja Ibrahim telah dilantik sebagai raja tetapi diguling tidak lama kemudian oleh Raja Kassim setelah mendapat sokongan daripada rakyat jelata terutama dari kalangan saudagar India Muslim.

¹⁸ Sebelum dilantik menjadi bendahara Melaka, Tun Perak beliau merupakan penghulu di Kelang. Shellabear, op.cit., m.s. 85-91.

Di sini jelas memperlihatkan berlakunya campur tangan wanita dalam politik negara. Wazir Jahan Karim (1992) memetik daripada Winstedt (1935) menggambarkan Tun Kudu sebagai wanita Melayu yang berpengaruh dalam mencorak politik tanah air dan pemerintahan Melaka sehingga kejatuhannya.¹⁹ Walau bagaimanapun, Mazianah Abdul Muin (1996) mendakwa riwayat Tun Kudu menunjukkan betapa rendahnya status seorang wanita yang menjadi korban akibat daripada pergeseran dan perebutan kuasa dalam masyarakat Melayu.²⁰ Tun Kudu terpaksa melepaskan statusnya sebagai permaisuri dan menjadi isteri kepada bekas pembesar yang pernah mengancam keselamatan Melaka serta membunuh ayahnya sendiri.

Pengaruh Tun Kudu terus bertapak dalam pemerintahan Melaka apabila adiknya Tun Perak menjadi bendahara di bawah pemerintahan tiga orang Sultan; manakala Tun Mutahir iaitu anak saudara Tun Perak, juga dilantik sebagai bendahara semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah sehingga tahun 1510. Tun Sengaja iaitu cucu Tun Kudu, menjadi permaisuri kepada Sultan Alaudin Shah II di Johor. Malah cucu Tun Kudu, iaitu Tun Fatimah, isteri kepada Sultan Mahmud Syah turut memainkan peranan penting dalam menentang pemberontakan yang berlaku di dalam negeri dan turun ke medan perang menentang penjajah. Kisah di sebalik perlantikan Tun Fatimah sebagai permaisuri juga memperlihatkan betapa wanita menjadi mangsa politik pemimpin lelaki.

¹⁹ Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 45.

²⁰ Marzianah Abdul Muin, " Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 9.

Sultan Mahmud Shah, Sultan terakhir Melaka telah membunuh kesemua anggota keluarga lelaki Tun Fatimah termasuk suaminya setelah termakan fitnah kononnya bendahara ingin menderhaka dan merampas takhta.²¹ Walaupun telah berjaya mengahwini Tun Fatimah tetapi “*never once did she laugh or even smile. As was her sadness, so was the king's*”.²² Sultan Mahmud telah berusaha untuk mengambil hati permaisurinya sehingga sanggup mengenepikan kedua-dua orang putera mahkota yang sepatutnya menduduki takhta sebaik saja Tun Fatimah melahirkan anak lelaki iaitu Sultan Alau'din Syah II. Sebelum itu, Tun Fatimah telah beberapa kali menggugurkan kandungannya. Tindakan beliau dianggap agak keterlaluan dan kejam bagi seorang wanita yang sanggup membunuh kandungannya sendiri untuk membala dendam.²³ Tun Fatimah telah menggunakan pengaruh ‘kewanitaan’ beliau dalam mempengaruhi perjalanan politik Melaka. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis juga dikatakan berpunca daripada kelemahan Sultan yang terlalu taksub untuk menggembirakan permaisurinya.

Kedua-dua contoh di atas menunjukkan pengaruh kaum wanita dalam bidang kuasa politik istana. Mereka boleh menentukan kewibawaan seseorang pemerintah. Namun pada masa yang sama mereka terpaksa mengorbankan diri agar kehormanian negara dapat dikekalkan. Dalam sejarah Negeri Melaka, Tun Kudu dan Tun Fatimah menjadi korban politik golongan atasan yang didominasikan oleh kaum lelaki.²⁴ Begitu

²¹ Fitnah ini dibawa oleh Raja Mudaliar yang mengadu kepada Laksamana Khoja Hassan kononnya Bendahara telah menerima emas daripada Nina Sura Dewana. Laksamana melaporkan kepada Sultan bahawa emas yang diterima oleh bendahara cukup untuk membina sebuah takhta emas. Sila Lihat Shellabear, op. cit., m.s. 192-194.

²² Ruzy Suliza Hashim, , op. cit. m.s. 2-3.

²³ Ibid.

²⁴ Hamdan, op. cit., m.s. 175-179.

juga dengan kisah Puteri Sa'dong yang sanggup mengikut Raja Siam kembali ke negaranya semata-mata untuk menjaga kehormanian negeri Kelantan.²⁵ Mereka digunakan sebagai alat politik untuk kepentingan negara dan Sultan sendiri. Penglibatan Tun Kudu dalam politik negara lebih ketara kerana kesanggupannya untuk mengahwini Sultan, mendesak Tun Perak dilantik sebagai bendahara dan kemudiannya turun takhta untuk mengahwini Seri Nara Diraja. Tun Fatimah pula lebih agresif dalam tindakannya kerana sanggup membunuh darah daging sendiri. Namun begitu, penentangan secara diam-diam yang dilakukan oleh Tun Fatimah dilihat mencerminkan sifat wanita Melayu pada masa itu tidak berani menunjukkan sifat penentangan secara terbuka.²⁶

Perkara pokok yang ingin ditekankan di sini ialah penglibatan wanita dalam politik sebenarnya sudah lama berlaku secara langsung atau tidak langsung. Adakah peranan yang dimainkan boleh mendatangkan kesan yang baik kepada politik negara atau sebaliknya.

Bagi golongan wanita di peringkat bawahan, segregasi kelas tidak memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk menonjolkan diri sebagai wirawati dalam sejarah Politik Malaysia. Walaupun ada kemungkinan bahawa golongan wanita biasa juga ingin berbuat demikian tetapi peluang mereka telah dinafikan kerana jurang sosial yang ada. Shellabear (1977) mendakwa, di dalam sejarah Melayu Melaka, peranan wanita sebagai pendorong dan pemberi semangat kepada kaum lelaki telah ditunjukkan sewaktu Tun

²⁵ Institut Tadbiran Awam Negara, op.cit., m.s. 262-263.

²⁶ Mazianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 8.

Perak menjadi bendahara di Kelang. Beliau telah dapat mengarahkan kaum wanita agar sama-sama berada di samping kaum lelaki untuk menentang serangan dari Siam.²⁷ Kesungguhan kaum lelaki untuk berperang adalah didorong oleh sokongan kaum wanita.²⁸

Sejarah Malaysia telah memperlihatkan betapa besar pengaruh seorang wanita dalam politik negara. Mereka telah memainkan peranan yang penting dalam politik tanah air. Semangat Sri Kandi di kalangan wanita Melayu begitu ketara terutama dalam usaha untuk melindungi kedudukan orang Melayu dan dalam usaha menuntut kemerdekaan melalui pergerakan nasional dan parti-parti politik.²⁹ Malangnya kedudukan mereka masih tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya. Wanita masih dibelenggu oleh imej tradisional yang mengikat mereka kepada tugas-tugas sokongan kepada lelaki termasuk dalam bidang politik.

4.2. Penglibatan Awal Wanita Melayu Dalam Politik Kepartian

Penglibatan awal wanita Melayu dalam persatuan-persatuan sosial dan politik bermula sejak tahun 1920an dan 1930an lagi. Namun begitu, tidak ada catatan yang komprehensif membicarakan tentang penglibatan mereka dalam pertubuhan politik sebelum tahun 40-an.

²⁷ Hellabear, W. G., op.cit., m.s. 67.

²⁸ Mazianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 11.

²⁹ Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 21.

Ramlah Adam (1977) mendakwa **Kesatuan Melayu Singapura** (KMS) merupakan persatuan yang paling awal mempunyai bahagian wanita.³⁰ KMS ditubuhkan pada tahun 1926 bertujuan untuk memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu dalam politik dan pelajaran.³¹ Pada tahun 1937, Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah ditubuhkan oleh Ibrahim Ya'cob, Hassan Manan, Isa Mahmud dan A. Karim Rashid, tetapi tiada catatan yang menunjukkan wanita juga turut terlibat dalam pergerakan parti ini.³² KMM merupakan sebuah parti politik radikal yang menentang bukan sahaja pihak British serta dasar ekonomi yang menindas kaum Melayu tetapi juga sistem beraja dan golongan elit tradisional.³³

Kesan daripada pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh Barat melalui pendidikan Inggeris dan Melayu, telah melahirkan golongan wanita Melayu³⁴ yang mempunyai kesedaran tinggi untuk merubah nasib kaum mereka. Golongan ini adalah berintis kepada kemajuan kaum wanita Melayu. Kebanyakan daripadanya terdiri daripada para guru.³⁵ Mereka juga bertanggungjawab menukuhan Persekutuan Guru-guru

³⁰ Ramlah Adam, " Sejarah Awal Pergerakan Kaum Ibu UMNO", *Jurnal Sejarah*, Penerbitan Universiti Malaya, Jilid XI., 1977, m.s. 117. Persatuan ini telah menghantar wakil wanita ke Kongres kebangsaan Melayu di Singapura dalam tahun 1939.

³¹ Manderson, *op. cit.*, m.s.56.

³² Haji Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*. Kuala Lumpur, Wan Bahasa dan Pustaka, 1985,m.s. 243.

³³ KMM juga memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama dengan Indonesia. Sila lihat Dancz, *op.cit.*, m.s. 25.

³⁴ Golongan ini merupakan golongan berada yang mendapat pendidikan Inggeris dan wanita Melayu mendidikan Melayu yang merupakan anak kepada guru-guru agama, ketua kampung atau penghulu dan orang-orang kenamaan. Sila lihat Dancz, , *op. cit.*, m.s. 26.

³⁵ Marzianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 80.

Perempuan Johor (PGGPJ)³⁶ dalam tahun 1929 yang diketuai oleh Ibu Zain.³⁷ Golongan guru ini juga merupakan penulis-penulis tempatan yang aktif menyiaran karya mereka dalam majalah dan suratkhabar. Kebanyakan karya-karya itu pula mengandungi kritikan terhadap permasalahan yang dihadapi okeh orang Melayu seperti kemunduran terutama dalam bidang pendidikan. Persekutuan Guru-guru Perempuan Johor tidak dinasikan merupakan sebuah persatuan sosial pertama yang ditubuhkan oleh wanita Melayu. Walaupun aktiviti-aktiviti persatuan ini lebih menjurus kepada kesedaran pendidikan tetapi ia turut menyeru kaum wanita supaya terlibat dalam kehidupan awam. Kewujudan PGGPJ merupakan titik tolak kepada perubahan yang lebih besar kepada wanita dalam bidang awam terutama politik. Boleh dikatakan PGGPJ merupakan sebuah persatuan sosial yang secara tidak langsung melatih dan mananam kesedaran politik di kalangan wanita Melayu. Melalui **Bulan Melayu**,³⁸ para penulisnya menyeru bangsa Melayu agar cintakan tanah air mereka dan tidak mengalah kepada bangsa asing.³⁹ Di samping itu menggalakkan wanita agar berdikari dan menuntut kebebasan yang sesuai dengan budaya Melayu. Menurut Mazianah Abdul Muin (1996) lagi,

...melalui rencana-rencana yang ditulis di dalam **Bulan Melayu** membayangkan sikap dan pemikiran golongan pendidik wanita ketika itu terutama guru-guru perempuan, lanya bersifat sebagai penasihat kepada bangsa Melayu terutama wanita Melayu.⁴⁰

³⁶ Anggota PGGMJ pada awalnya di anggotai oleh 100 orang guru perempuan Johor dan beberapa orang wanita tidak bekerja. **Bulan Melayu**, 1 Jun 1930.

³⁷ Dancz, *op. cit.*, m.s. 26.

³⁸ **Bulan Melayu** merupakan akhbar rasmi PGGMJ yang ditubuhkan sebulan selepas penubuhan persatuan tersebut. Marzianah Abdul Muin, "Wanita Melayu dan Kegiatan Sosial," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 91-92.

³⁹ *Ibid.*, m.s. 96.

⁴⁰ *Ibid.*, 100.

Selain daripada para guru, Wazir Jahan Karim (1992) menyatakan, golongan wanita lain yang menunjukkan minat untuk terlibat dalam politik nasional ialah sekumpulan wanita Melayu yang mendapat pendidikan di Padang Panjang, di Sumatera Barat, Indonesia.⁴¹ Golongan wanita Melayu muda ini telah dihantar ke sana untuk mendapat pendidikan di sebuah sekolah bernama Diniyah Puteri.⁴² Melalui pendidikan yang diperolehi di Diniyah Puteri⁴³, pelajar-pelajar wanita ini telah disemai dengan benih-benih kesedaran politik untuk menentang pengaruh Barat terhadap dunia Islam. Aisyah Ghani ada menyebut bahawa ayahnya pernah berkata, "...orang Islam tidak elok masuk sekolah paderi kristian, nanti pahala sembahyangnya hilang naik ke langit".⁴⁴ Maka disebabkan kepercayaan yang sama, kebanyakan golongan alim tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Oleh kerana pendidikan yang diterima dan semangat nasionalisma yang wujud akibat sosialisasi sepanjang berada di sekolah tersebut, maka timbul kesedaran di kalangan wanita muda ini semangat revolusi untuk menentang penjajah. Selain daripada Aisyah Ghani, antara bekas pelajar Diniyah Puteri yang memainkan peranan yang besar dalam politik ialah Shamsiah Fakeh dan Sakinah Junid.

⁴¹ Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 96.

⁴² Tujuannya supaya mereka mendapat pendidikan dalam aliran agama. Bagaimanapun pendidikan yang diberi tidak hanya terbatas kepada agama sahaja tetapi juga dalam bidang-bidang lain seperti bahasa Inggeris dan Belanda, ekonomi, sejarah dan lain-lain. Ibid.

⁴³ Diniyah Puteri merupakan sebuah sekolah agama rakyat yang berasrama untuk kaum wanita yang boleh menampung seramai 500 orang murid. Ini merupakan satu bentuk tindak balas terhadap penubuhan sekolah-sekolah mualigh di Tanah Melayu. Kebanyakan ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini terdiri daripada golongan alim yang menolak sekolah-sekolah mualigh kristian kerana pembelajaran kristian telah diperkenalkan dan dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan sekolah. Diniyah Puteri bukan sahaja menerima wanita-wanita dari Tanah Melayu tetapi juga anak-anak kepada tahanan politik Indonesia yang menentang penjajahan Belanda. Mereka datang dari seluruh pelosok Indonesia tetapi yang paling ramai adalah dari Sumatera dan Pulau Jawa. Sila Lihat Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 96.

⁴⁴ Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 4.

Tahap kesedaran politik di kalangan wanita Melayu sebelum kemerdekaan permula agak perlahan, tidak terlalu radikal dan tidak begitu menyeluruh. Masyarakat Melayu masih lagi bersikap konservatif terhadap penglibatan kaum wanita dalam politik. Malah kesedaran dalam menuntut kemerdekaan belum menjadi agenda yang jelas. Wanita Melayu hanya berminat untuk meningkatkan taraf kehidupan dan mengekalkan imej tradisional mereka. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pergerakan-pergerakan wanita juga lebih menjurus kepada peranan dan nilai-nilai hidup yang perlu dimainkan oleh seorang wanita Melayu sebagai isteri dan ibu. Namun begitu, pergerakan-pergerakan wanita ini turut menyumbang kepada kesedaran politik melalui isu-isu tentang soal-soal kemiskinan hidup, kemunduran pelajaran dan taraf hidup yang rendah berbanding dengan golongan penjajah. Semangat juang golongan wanita ini diwarisi daripada semangat seri kandi Melayu pada zaman dahulu kala. Bezanya perjuangan politik sebelum perang dunia kedua melibatkan wanita daripada kalangan rakyat biasa yang mendapat pendidikan formal.⁴⁵ Manakala pada zaman kesultanan dahulu, pejuang wanita adalah terdiri daripada golongan bangsawan.

Semangat berpolitik di kalangan wanita Melayu bersemarak selepas perang dunia kedua. Selepas perang ini, wanita Melayu mula aktif dan muncul golongan radikal seperti Shamsiah Fakeh, Khadijah Sidek dan Zainab Mahmud.⁴⁶ Perang ini merupakan titik permulaan kepada perubahan sikap masyarakat terhadap kaum wanita Oleh kerana

⁴⁵ Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 100.

⁴⁶ Khoo Kay Kim, 'Malaysian Women's Participation in Politics: A Historical Perspektif' dalam Robert Haas & Rahmah Hasyim (pnyt), *Malaysian Women: Creating Their Political Awareness*, Kuala Lumpur, Institute For Development Community, 1994, m.s. 1-7.

pesempitan hidup di masa pemerintahan Jepun dan selepasnya, kaum wanita telah keluar daripada belenggu aktiviti-aktiviti rumahtangga untuk mencari pendapatan dan penghidupan yang lebih baik. Kebanyakannya terlibat dalam urusan perniagaan sama ada menjual barang-barang makanan, pakaian terpakai dan barang-barang kemas.⁴⁷ Akibat daripada perang juga, telah mendesak masyarakat Melayu agar lebih terbuka terhadap penglibatan wanita dalam politik. Kaum lelaki juga semakin menghargai kepentingan kaum wanita sebagai agen politik. Golongan lelaki merasakan perlu untuk memobilaskan kaum wanita sebagai pelaku politik yang aktif bagi mencapai cita-cita politik kerana kaum wanita cukup berpengaruh untuk meraih sokongan masyarakat. Maka pada awal pergerakan parti-parti politik di Tanah Melayu, kebanyakan wanita yang menjadi ahli atau penyokong kepada parti merupakan golongan yang tidak berpendidikan tetapi terlibat kerana penglibatan suami.⁴⁸

Angkatan Wanita Sedar (AWAS) merupakan salah satu persatuan berbau politik yang ahlinya terdiri daripada wanita Melayu sekitar tahun 1945. AWAS merupakan sebahagian daripada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Ketua AWAS yang Pertama ialah Aisyah Ghani⁴⁹ yang dilantik pada tahun 1945. Kebanyakan ahli AWAS yang paling awal menyertai pergerakan ini dipengaruhi oleh perjuangan politik wanita Indonesia dan mereka menentang sistem pemerintahan beraja sebagai kuasa mutlak dalam

⁴⁷ Aisyah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 17.

⁴⁸ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 32-34. Sila lihat juga Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 100.

⁴⁹ Beliau telah meninggalkan PKMM dan AWAS kerana tidak yakin dengan corak perjuangan parti ini yang agak radikal dan bersongkol dengan komunis. Tempatnya diambil alih oleh Shamsiah Fakeh pada tahun 1946. Sila lihat Aishah Abdul Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 100-101.

negara.⁵⁰ Selain itu, tujuan utama AWAS ditubuhkan juga untuk menanam kesedaran di kalangan wanita Melayu tentang kepentingan berpolitik. Para pemimpin PKMM menganggap kewujudan AWAS dapat membantu parti untuk menarik lebih ramai golongan wanita menyokong perjuangan PKMM bagi mencapai kemerdekaan.⁵¹ Namun Aishah Ghani mendakwa para pemimpin PKMM memerlukan penglibatan wanita dalam parti sebagai satu strategi dalam politik untuk mencari pengaruh.⁵²

Sebelum dibubarkan AWAS berjaya menarik lebih 2000 orang wanita untuk menyertainya.⁵³ Jumlah 2000 orang wanita bukan satu jumlah yang kecil terutama pada masa itu Tanah Melayu masih lagi di bawah pemerintahan Inggeris. Tambahan pula tahap kesedaran politik wanita Melayu masih rendah. Lagipun penglibatan wanita dalam pergerakan politik masih dianggap janggal oleh masyarakat Melayu sekitar tahun 40an. Kebanyakan para penyokong AWAS merupakan wanita luar bandar yang mendapat latihan sebagai guru dan ustazah yakni guru agama perempuan.⁵⁴ Pertubuhan AWAS berjaya menonjolkan diri sebagai sebuah parti politik radikal dan ahli-ahli wanitanya turut terlibat dalam beberapa demonstrasi terhadap pihak British. Salah satu daripadanya ialah Peristiwa seramai 300 ahli-ahli API⁵⁵ dan AWAS berjalan kaki sejauh 6 batu di Perak. Perarakan itu dibuat sebagai tanda protes terhadap British yang menghalang penggunaan

⁵⁰ Ibid., m.s. 101.

⁵¹ Dancz, op., cit., m.s. 86.

⁵² Ibid.

⁵³ Asiah Abu Samah, "Emancipation of Malay Women," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1960, m.s. 15.

⁵⁴ Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 97.

⁵⁵ Angkatan Pemuda Insaf merupakan bahagian PNM yang mewakili golongan lelaki diketuai oleh Ahmad Destaman. Sila lihat Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 19.

genderaan bermotor bagi menghadiri proses diskusi dan forum dengan pelawat wanita daripada Indonesia.⁵⁶ Begitu juga demonstrasi pada 21 Februari 1947 apabila 200 orang wanita terlibat mengancam pihak British untuk memberontak sekiranya Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu.⁵⁷

AWAS turut memainkan peranan menanam kesedaran berpolitik di kalangan wanita Melayu tetapi pergerakan ini hanya mampu bertahan selama dua tahun setengah akibat daripada pengharaman API pada tahun 1948.⁵⁸ British mengharamkan semua pertubuhan bersayap kiri setelah memperkenalkan Akta Darurat dalam tahun 1948.⁵⁹ AWAS terpaksa dibubarkan dan para pemimpinnya memilih haluan yang berbeza. Shamsiah Fakeh, presiden AWAS menyertai Parti Komunis Malaya sementara bekas presiden pertama AWAS, Aishah Ghani menyertai Pergerakan Kaum Ibu UMNO dan menjadi presidennya yang kelima.⁶⁰ Manakala Sakinah Junid pula menjadi ahli PAS dan dilantik sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS.⁶¹

⁵⁶ Dancz, *op. cit.*, m.s. 87.

⁵⁷ Ibid. AWAS gagal untuk menarik lebih ramai penyokong daripada kalangan wanita untuk menyertainya. Kegagalan ini bukan disebabkan AWAS diterajui oleh golongan wanita yang mencabar kewujudan hubungan gender dalam masyarakat Melayu. Tetapi ia kerana pada masa itu AWAS tidak mendapat sokongan daripada golongan elit. Golongan ini dikatakan lebih berpengaruh dan memainkan peranan yang besar untuk memobilasikan pergerakan politik masyarakat Melayu. Sila lihat Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 98.

⁵⁸ Dancz, *op. cit.*, m.s. 87. Di samping itu, terdapat elemen pengaruh komunis yang jelas di pergerakan parti tersebut. Sila lihat Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 20-23.

⁵⁹ Chee Heng Leng, "Women in Malaysia: Present Struggles and Future Directions", dalam Cecilia Ng (peny), *Positioning Women in Malaysia: Class and Gender in Industrialising State*, New York, St. Martin Press, 1999, m.s. 179-180.

⁶⁰ Dancz, V.H., *op.cit.*, m.s. 86-87.

⁶¹ Wazir Jahan Karim, *Women, Culture Between Malay Adat and Islam*, m.s. 98.

Boleh dikatakan anjakan paradigma penglibatan wanita yang menyeluruh dalam politik bermula daripada cadangan British untuk menubuhkan Malayan Union.⁶² Cadangan ini bukan sahaja membakar semangat juang di kalangan kaum lelaki Melayu tetapi turut menarik perhatian kaum wanita untuk sama-sama membela kedaulatan bangsa dan negara. Selepas 1946, wanita Melayu mempunyai kesedaran politik yang lebih baik. Ini berlaku akibat daripada semangat nasionalisma setelah menganggotai kesatuan-kesatuan yang dihidupkan untuk menentang Malayan Union. Semasa Kapten Gammons dan wakil-wakil parlimen British melawat bandar-bandar di Tanah Melayu bagi menyaksikan reaksi orang ramai terhadap Malayan Union, demonstrasi yang melibatkan kaum wanita telah diadakan.⁶³ Demonstrasi ini meliputi bandar-bandar di Alor Setar, Kuala Kangsar, Johor Bahru, Negeri Sembilan, Kota Bahru dan Rembau. Di Kota Bharu misalnya ketika Mac Michael datang untuk meminta Sultan Kelantan menandatangani perjanjian itu, lebih 10000 orang rakyat termasuk wanita telah keluar berarak dengan sepanduk untuk membantah Malayan Union.⁶⁴

Kesedaran politik serta pembabitan kaum wanita dalam politik lahir daripada Penentangan terhadap Malayan Union. Pembabitan kaum lelaki dan wanita yang menyeluruh dalam politik ini merupakan satu perubahan nilai tradisi dalam masyarakat

⁶² Malayan Union merupakan rancangan pihak British untuk melucutkan keistimewaan kuasa Raja-raja Melayu dan menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahan Inggeris dengan seorang gabenor sebagai Pemerintah. Manakala semua penduduk Tanah Melayu tidak mengira bangsa di beri taraf kerakyatan yang sama. British telah menggunakan tipu helah dan ugutan untuk mendapatkan persetujuan daripada raja-raja Melayu menandatangani surat dan perjanjian yang di bawa oleh Mac Michael. Sila lihat rujukan mengenai hal ini dalam Aisyah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 24.

⁶³ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 26-27.

⁶⁴ Aisyah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, m.s. 24 .

Melayu.⁶⁵ Kaum wanita semakin ramai terlibat dalam bidang awam. Pergerakan wanita yang utama menggalakkan perkembangan ini ialah Pergerakan Kaum Ibu yang giat menanam kesedaran di kalangan wanita Melayu tentang kepentingan politik.

4.3. Persatuan Kaum Ibu/ Pergerakan Wanita UMNO

Pada tahun 1946-1948⁶⁶, PKI muncul sebagai satu bahagian UMNO yang berjuang untuk kepentingan wanita Melayu, menyatupadu serta memperjuangkan nasib mereka. Sungguhpun begitu, sudah terdapat pelbagai pergerakan wanita⁶⁷ termasuk Kaum Ibu Rembau, Negeri Sembilan yang dipimpin oleh Halimahton Abdul Majid dan penasihatnya Tengku Ampuan sebelum penubuhan PKI. Selain itu, Perikatan Melayu Perak melalui bahagian wanitanya yang diketuai oleh Puteh Mariah Rashid, Kumpulan Ibu Sepakat Johor dan yang paling aktif ialah Persatuan Kaum Ibu Selangor di bawah pimpinan Saleha Mohamed Ali.⁶⁸ Bahkan para pemimpin pergerakan inilah yang menyeru kepada penyatuan kaum lelaki dan wanita untuk menentang Malayan Union.⁶⁹ Walaupun pergerakan parti politik sudah sedia ada untuk memperjuangkan hak kaum Melayu tetapi masih terdapat golongan wanita yang ingin terlibat secara langsung dalam Perjuangan ini. Mereka adalah wanita-wanita yang pemalu dan konservatif dan merasa tidak selesa untuk bekerja bersama-sama dengan lelaki. Oleh itu, bahagian wanita

⁶⁵ Manderson, *op. cit.*, m.s. 302.

⁶⁶ Utusan Malaysia, 2 Mei 1996.

⁶⁷ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 26-28.

⁶⁸ Dancz, *op.cit.*, m.s. 88-90.

⁶⁹ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 26-27.

dijwujudkan untuk memberi peluang kepada golongan ini memainkan peranan dengan lebih berkesan.

Pada masa itu, kebanyakan persatuan-persatuan wanita yang ditubuhkan **n**empunya matlamat untuk menolak Malayan Union daripada diimplementasikan di **T**anah Melayu. Umumnya apabila membicarakan tentang penglibatan wanita dalam **P**olitik, maka Pergerakan Wanita UMNO merupakan perintis kepada kemajuan wanita **M**elayu dalam bidang ini. Menurut Tan Sri Aisyah Ghani, wanita UMNO adalah lambang **k**epada kejayaan wanita di dalam bidang politik.⁷⁰

Pada tahun 1946, Puteh Mariah (PMP), Zainab Abdul Rahman (PMSP) dan **S**aleha Mohamed Ali (PMS) telah berbincang untuk menggabungkan persatuan-persatuan **w**anita ini di bawah satu bahagian di dalam UMNO. Dalam tahun 1947, Pergerakan **K**aum Ibu UMNO ditubuhkan dengan nama Jabatan Kaum Ibu UMNO semasa **P**erhimpunan Agung UMNO yang ketiga di Butterworth,⁷¹ sebelum dikenali sebagai **P**ergerakan Kaum Ibu UMNO pada tahun 1949.⁷² Kemudian dalam tahun 1971, ia **d**ikenali sebagai Pergerakan Wanita UMNO. Tujuan penukaran nama ini adalah untuk **m**enarik minat gadis-gadis muda dan wanita terpelajar menyertai UMNO. Cadangan **P**enubuhan PKI telah dipersetujui dengan gabungan 14 persatuan dan jumlah ahli seramai **20,000**. Penubuhan ini adalah penting untuk mendapatkan sokongan padu daripada semua

⁷⁰ Aishah Ghani, "Peranan Wanita UMNO dalam Politik Kebangsaan" dalam Wan Hasyim Wan Teh (Phyt), **UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan**, Kuala Lumpur, Mahir Publications, 1993, m.s. 261-263.

⁷¹ **UMNO: Pergerakan Kaum Ibu**, Buku Cenderamata Jubli Perak Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Kuala Lumpur, Utusan Berhad, 1974, m.s. 23.

⁷² Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 28.

Japisan anggota masyarakat Melayu. Penyatuan ini dibuat setelah mengambil kira objektif persatuan-persatuan wanita yang kebanyakannya berminat untuk meningkatkan taraf pembelajaran dan status sosial wanita Melayu, mengembangkan kelas-kelas agama dan mengurangkan buta huruf di kalangan wanita.⁷³ Malah PGMPJ di bawah pimpinan Ibu Zain amat menitikberatkan peluang berpelajaran bagi kaum wanita.⁷⁴ Persatuan ini juga aktif memperjuangkan hak kaum wanita Melayu dalam bidang pendidikan dengan mengadakan kempen keahlian serta menjelajah seluruh negara. Antara persatuan-persatuan lain yang disatukan di bawah Pergerakan Kaum Ibu ialah, Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor, Persatuan Melayu Terengganu, Seberkas Kedah, Persatuan Melayu Pahang dan lain-lain lagi.⁷⁵ Kebanyakan pemimpin kepada persatuan-persatuan ini adalah dari kalangan pembesar-pembesar Melayu yang berfikiran terbuka serta menerima pembabitan dan menggalakkan wanita berkecimpung dalam bidang ini.⁷⁶ Pergerakan Kaum Ibu dalam usahanya untuk meraih sokongan rakyat telah melakukannya dengan menyatukan persatuan-persatuan yang sedia ada untuk menyertai UMNO.

Di samping menjadi tenaga penggerak kepada UMNO, PWU juga ditubuhkan untuk memupuk kesedaran dari kalangan wanita tentang kepentingan peranan mereka dalam politik. Ia merupakan satu pergerakan wanita yang cukup kuat mengembeleng

⁷³ Asiah Abu Samad, "Emancipation of Malay Women," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1960, m.s. 26.

⁷⁴ Dancz, *op.cit.*, m.s. 25-26.

⁷⁵ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 29.

⁷⁶ **Utusan Malaysia**, 2 Mei 1996.

*t*enaga kaum wanita memperjuangkan nasib mereka. Dato' Onn melihat perkembangan ini sebagai satu perkara yang positif terhadap penyertaan kaum wanita dalam politik yang boleh menyaingi kaum lelaki. Menurut beliau,

*... suara kaum ibu akan sama dengan suara kaum lelaki-suara kedua-duanya akan menentukan bentuk pentadbiran negara ini.*⁷⁷

Hussein Nordin (1961) juga melihat penglibatan wanita dalam UMNO ini suatu perkara yang penting. Menurut beliau,

*...in the Federation, the UMNO gives the women's section, Kaum Ibu, equality of status with the men's section. The most important work of Malay women is and will continue to be (in the) field of politics. In fact, in the last parliamentary election ,the Kaum Ibu played a big part. We found the majority voters in mostconstituencies were women...this clearly shows kaum Ibu leaders are doing valuable work in enlightening their rural sisters about politics.*⁷⁸

Sambutan yang diberikan terhadap penubuhan Pergerakan kaum Ibu pada peringkat awal adalah lembap kerana masyarakat masih sukar menerima kaum wanita terlibat secara langsung dalam persatuan politik.⁷⁹ Dalam tahun 1954, Parti Negara turut menubuhkan bahagian wanita dalam parti tersebut bertujuan untuk menarik lebih ramai wanita menyokong parti ini. Antara propaganda yang digunakan ialah gaji yang sama untuk kerja yang sama bagi lelaki dan wanita.⁸⁰ Malangnya parti ini tidak mendapat sambutan. PKI dimobilasikan oleh isteri-isteri para pemimpin UMNO sebagai satu cara untuk menonjolkan kredibiliti suami mereka dalam politik.⁸¹ Malah para pemimpin PKI

⁷⁷ Ucapan Dato' On yang dipetik dalam Manderson, L., op.cit., m.s. 91.

⁷⁸ Malay Mail, 5 February 1961.

⁷⁹ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia1945-1972", m.s. 29.

⁸⁰ Chee Heng Leng, "Women in Malaysia: Preasant Struggles and Future Directions", m.s. 180.

⁸¹ Wazir Jahan Karim, Women, Culture Between Malay Adat and Islam, m.s. 100.

ga berjaya mewujudkan satu hubungan yang harmoni dengan pemimpin UMNO serta hak British.

Selepas tahun 1959 peranan wanita UMNO semakin cergas dan berkesan. Ada selbagai faktor yang boleh menyumbang kepada keadaan yang positif ini. Tahun 1959 menyaksikan PAS, sebuah parti yang menggunakan sentimen kebangsaan Melayu dan agamaan memperolehi kejayaan dalam pilihanraya dan memenangi negeri Kelantan dan Terengganu. Kejayaan ini dianggap sebagai suatu peristiwa yang sungguh bermakna apada PAS kerana buat pertama kali di Asia, parti Islam memperolehi sokongan dan uasa serta menawan dua buah negeri melalui proses perlumbagaan.⁸² Ini mengesa UMNO khasnya dan Parti Perikatan amnya mengambil tindakan untuk membendung emaraan PAS. Antara langkah yang diambil oleh Tunku Abdul Rahman ialah dengan menggalakkan penglibatan kaum wanita dengan lebih berkesan dalam politik amnya dan PKI khususnya.⁸³ Di samping itu, memberi laluan dan peluang bagi UMNO menarik lebih amai penyokong dari kalangan rakyat biasa dan wanita serta mendorong wanita UMNO mendapat ruang yang lebih untuk berpolitik di peringkat cawangan dan bahagian.

Pergerakan Kaum Ibu sebagai propagandis UMNO berjaya memainkan isu-isu yang menjadi perhatian rakyat. PKI mengemukakan permasalahan keluarga yang berkait apat dengan kaum wanita seperti masalah nikah kawin, perceraian, pembahagian harta

⁸² Farish A. Noor, 2000, Between History and Her Story: Another Forgotten Malaysian Narrative, sila lihat <http://www.malaysiakini.com>. (3 Februari 2001). Aishah Ghani (1992) mendakwa kemenangan PAS di Terengganu dan Kelantan kerana PAS untuk menegakkan negara Islam yang diterima oleh majoriti penduduk Melayu di Pantai Timur tersebut. Sila lihat Aishah Abdul Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, n.s. 83-84.

⁸³ Ibid.

encarian serta soal gaji sama rata.⁸⁴ Mereka telah menggesa supaya kerajaan mengadakan satu undang-undang perkahwinan dan perceraian bagi orang Islam pada tahun 1961 dan undang-undang keluarga kebangsaan pada tahun 1967 bertujuan untuk melindung kaum wanita.⁸⁵ Malah Akta keganasan Rumahtangga yang diperkenalkan pada tahun 1994 juga digubal bagi mengatasi masalah wanita khasnya. Kegiatan-kegiatan tersebut bentuk kebijakan dan menyentuh isu-isu wanita ini telah berjaya mengangkat imej wanita UMNO di kalangan masyarakat. Secara tidak langsung telah mengangkat martabat JMNO. Menurut Ramlah Adam (1978), ini tidak menghairankan kerana wanita UMNO sememangnya berperanan sebagai propagandis UMNO yang penting dan aktif. Bahagian sayap kiri UMNO ini memainkan peranan penting sebagai tenaga bantu dalam menyuarakan isu-isu politik umum dan isu-isu wanita. Namun, pandangan serta pendirian Pergerakan Wanita UMNO lebih menjurus untuk mengekalkan norma-norma dan nilai-nilai tradisi seperti keperluan pendidikan kepada wanita lebih ditekankan dalam bidang sains rumahtangga.⁸⁶

Peranan wanita UMNO sebagai bahagian yang penting apabila UMNO dan Perikatan mendapat majoriti dalam pilihanraya 1955 sehingga sekarang. Tugas wanita sebagai perayu undi, tukang kempen dan mencari derma amat berkesan. Namun wanita UMNO masih tidak menikmati peluang politik yang sama seperti lelaki. Mereka memang mempunyai hak untuk mengundi tetapi di peringkat membuat keputusan peranan mereka

⁸⁴ Manderson, I., op.cit., m.s. 278.

⁸⁵ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 44-47.

⁸⁶ Manderson, I., , op. cit., m.s. 288.

dak jelas.⁸⁷ Ini amat ketara terutama dari segi pemilihan wanita sebagai calon ilihanraya. Walaupun ramai wanita Melayu di dalam PWU yang percaya bahawa politik ukian lagi didominasi oleh kaum lelaki tetapi tidak banyak perubahan yang dilakukan ntuk merubah peranan wanita dalam parti itu sendiri. Pandangan PWU berhubung engan perkara-perkara politik tidak diminta, malah mereka hanya dibenarkan terlibat alam isu-isu kecil.⁸⁸ Di samping itu, PWU tidak pernah mencetus konflik dalaman yang oleh menganggu kestabilan parti.⁸⁹ Ini memberi gambaran yang positif tentang PWU ebagai penyokong setia UMNO.

Tahun 1980an menyaksikan kemasukan golongan wanita terpelajar ke dalam gergerakan wanita UMNO. Pergerakan ini seakan mendapat nafas baru apabila ia diberi nandat yang lebih mencabar dengan perlantikan Rafidah Aziz sebagai Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.⁹⁰ Kelulusan beliau dalam bidang ekonomi telah memberi kelebihan kepadanya dan memecahkan tradisi perlantikan wanita ebagai menteri. Sebelum perlantikan Rafidah Aziz, menteri wanita hanya diberi tugas intuk memegang jawatan menteri di Kementerian Perpaduan Negara dan Kebajikan Masyarakat. Beberapa orang wanita telah dilantik ke kementerian lain sebagai timbalan nenteri dan setiausaha politik dalam tahun 80 an ini.

⁸⁷ **Utusan Malaysia**, 2 March 1996.

⁸⁸ Jamilah Ariffin, **Women and Development in Malaysia**, m.s. 20.

⁸⁹ **Utusan Malaysia**, 2 Mei 1996.

⁹⁰ **Utusan Malaysia** 2 Mac 1996.

Tahun 1990an pula menyaksikan kredibiliti Pergerakan Wanita UMNO sebagai pergerakan terbesar yang mewakili wanita Melayu tergugat. Pucuk pimpinan wanita UMNO dikatakan ketandusan idea serta tidak serius memperjuangkan dan menangani isu-isu semasa yang melibatkan wanita dan masyarakat. Mereka dikatakan lebih sibuk tentang soal penambahan kerusi dalam pilihanraya dan jawatan dalam kerajaan.⁹¹ Walaupun kedapatan suara-suara lantang wanita semasa Perhimpunan Agung Wanita UMNO tetapi ahli-ahli wanita di peringkat bawahan berpendapat tiada tindakan lanjut diambil yang mencerminkan bahawa wanita UMNO menitikberatkan masalah-masalah sosial yang berlaku.⁹² Sikap mendiamkan diri terhadap isu-isu semasa dengan alasan untuk mengelakkan kontroversi dalam parti juga mengugat kredibiliti wanita UMNO.⁹³ Ini secara tidak langsung menjelaskan kredibiliti pergerakan itu sendiri. Kemuncaknya apabila Dr. Zaharah Sulaiman menawarkan diri untuk bertanding jawatan Ketua Wanita UMNO dalam tahun 1996 yang mana telah mengeruhkan lagi kemelut yang sedia ada. Zulkiflee Bakar (1996) melaporkan, tindakan Siti Zaharah untuk mencabar Rafidah Aziz berpunca daripada perasaan tidak puas hati golongan bawahan yang merasakan diri mereka terabai dan tidak dipedulikan.⁹⁴ Pada tahun 2000, sekali lagi kerusi Ketua Wanita ditandingi oleh Rafidah Aziz iaitu tiga tahun selepas Dr. Zaharah merampasnya. Ini seolah memberi isyarat bahawa sepanjang tempoh tiga tahun yang berlalu, PWU masih

⁹¹ Siti Mariam Mohd Zain, "Pergerakan Wanita UMNO Perlu Nafas Baru, MASSA, 14-20 September, 1996, m.s. 23.

⁹² Ibid. ; Sila lihat juga Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, m.s. 1968. Wakil wanita dalam Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri kelihatan tidak mengetahui strategi jangka panjang atau jangka pendek atau matlamat yang telah digariskan. Isu wanita hanya dibahaskan apabila berkaitan dengan isu-isu penting yang lain.

⁹³ Siti Mariam Mohd Zain, "Pergerakan Wanita UMNO Perlu Nafas Baru, MASSA, 14-20 September, 1996, m.s. 23.

⁹⁴ Ibid.

Lagi di belenggu dengan masalah berpuak-puak. Namun begitu ia juga menunjukkan bahawa demokrasi subur di dalam PWU.

Selepas pilihanraya ke-10, pelbagai masalah lain terpaksa dihadapi oleh PWU. Laporan pilihanraya menunjukkan Pergerakan wanita UMNO tidak lagi mendapat sokongan daripada golongan wanita muda Melayu dan wanita profesional.⁹⁵ Malah kekalahan UMNO di Terengganu dan Kelantan juga dikaitkan dengan gerakkerja wanita UMNO yang dianggap tidak memuaskan walaupun mereka lebih rajin daripada lelaki UMNO. Kuota jawatan Menteri Penuh untuk wanita juga dikurangkan oleh Perdana Menteri daripada tiga menjadi dua.⁹⁶ Ini menunjukkan wanita masih belum mendapat kepercayaan penuh dan pengiktirafan sewajarnya oleh para pemimpin untuk meneraju negara. Bagaimanapun Perdana Menteri kemudiannya menubuhkan sebuah Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga sebagai penghargaan terhadap jasa kaum wanita.

Hari, ini saingan terbaru wanita UMNO bukan hanya DMP tetapi juga Puteri UMNO.⁹⁷ Walaupun Puteri UMNO ditubuhkan bertujuan untuk menarik golongan wanita muda terpelajar dan profesional menganggotai UMNO tetapi secara tidak langsung ia memberi saingan kepada PWU dari segi pengaruh dan bilangan perlantikan wanita di peringkat membuat keputusan.⁹⁸ Menurut Ramlah Adam (2000), kewujudan Puteri

⁹⁵ "Muslimat Tidak Gusar Pada Puteri", MASSA 23 Disember 2000 m.s. 8 ;Sunday Star, 7 Januari, 2001.

⁹⁶ Norhisyam Mustafa, "YB Perempuan: Sejauhmana Dipercayai?", Perempuan, Februari 2000, m.s. 78-81.

⁹⁷ Idea penubuhan Puteri UMNO di cadangkan oleh Azalina Said, ahli majlis tertinggi UMNO. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Puteri UMNO. Sila lihat Utusan Malaysia, 1 April 2001.

⁹⁸ "Muslimat Tidak Gusar Pada Puteri", MASSA 23 Disember 2000, m.s. 8.

JMNO akan menyebabkan persaingan sesama wanita untuk merebut jawatan di dalam parti dan kerajaan. Bagaimanapun secara tidak langsung ia merupakan satu cara untuk menyediakan pelapis kepimpinan di kalangan wanita UMNO.⁹⁹ Namun begitu, tidak boleh dinafikan bahawa peranan wanita UMNO dalam politik Malaysia amat besar. Setelah 56 tahun ditubuhkan, Wanita UMNO telah banyak menyumbang kepada peningkatan taraf hidup wanita Melayu. Antara pencapaian utama mereka ialah:

Rajah 4.1: Pencapaian Wanita UMNO Yang Penting

BIDANG	PERKARA
POLITIK	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengagalkan Malayan Union 2. Berjuang untuk menuntut kemerdekaan 3. Mempunyai 7 orang wakil wanita dalam kabinet kerajaan 4. Mempunyai 20 orang perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat 5. Mempunyai 15 orang senator wanita dalam Dewan Negara 6. Penubuhan Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga dalam tahun 2001 7. Melobi untuk meramaikan calon wanita dalam pilihanraya dan di peringkat membuat keputusan
KELUARGA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perjuangkan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 2. Bekerjasama dengan NGO wanita melobi untuk Akta Keganasan Rumahtangga 1994 3. Melobi untuk mendapatkan nafkah sara hidup anak dan isteri 4. Melobi perwakilan wanita dalam Majlis Hal Ehwal Agama Islam
EKONOMI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perjuangan untuk mendapatkan gaji sama rata bagi kaum wanita dan telah berjaya dicapai 2. Menubuhkan koperasi Dermajaya Wanita Bhd 3. Melobi untuk mendapatkan penceن bagi wanita 4. Melobi untuk mendapatkan tafsiran cukai berasingan bagi wanita bekerja 5. Melobi untuk mendapatkan kemudahan cuti bersalin 6. Diiktiraf dengan perlantikan Dr. Norraesah sebagai Pengurus Bank Rakyat
PENDIDIKAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyampaian Pingat Emas kepada siswazah terbaik dari universiti tempatan
SOSIAL	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penubuhan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) 2. Melobi Untuk Mendapatkan Pengiktirafan Hari Wanita pada 25 Ogos 3. Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Mengintegrasikan Wanita dalam Pembangunan (NACTWID)

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

⁹⁹ Siti Mariam Mohd Zain, "Bagaimana Rupa Puteri UMNO?", MASSA 25 November 1999-1 Disember 2000, m.s. 30-31.

Pengkaji tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan tentang sejarah wanita UMNO di Malaysia. Kajian-kajian oleh Ramlah Adam (1978), Manderson (1980) dan Virginia Dancz (1987) menyediakan maklumat mengenai latarbelakang PWU dengan lengkap. Malangnya, didapati bahan-bahan rujukan mengenai sejarah penubuhan wanita UMNO di setiap negeri di Malaysia amat terhad. Di Terengganu misalnya, tidak ada penulisan atau rekod yang komprehensif tentang penubuhan PWU. Walaubagaimanapun, adalah dipercayai wanita UMNO mula bertapak di Terengganu hasil daripada gerakkerja wanita-wanita di Kemaman, Terengganu. Wanita UMNO cawangan Kemaman merupakan antara yang paling awal ditubuhkan. Ini berikutan dengan penubuhan UMNO secara tidak rasmi di Kemaman, Dungun dan Kuala Terengganu dalam tahun 1946.¹⁰⁰ Antara tokoh wanita UMNO yang paling awal merintis jalan ke arah penglibatan wanita Terengganu dalam politik ialah Puan Hajah Salmah. Beliau telah membentuk Persatuan Perempuan Melayu Kemaman dalam tahun 1946 dan seterusnya membawa kepada penubuhan Kaum Ibu UMNO.¹⁰¹ Keahlian wanita yang begitu ramai di awal penubuhan PKI cawangan Kemaman membuktikan bahawa wanita memainkan peranan yang cukup penting mengembangkan pengaruh UMNO. Sokongan daripada mereka membolehkan UMNO untuk bertapak di Terengganu. Kemudian dalam tahun 1951, terdapat ahli-ahli wanita di bahagian Kuala Terengganu dan Hulu

¹⁰⁰ Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, **50 UMNO Terengganu**, Yayasan Islam Terengganu, Terengganu, 1996, m.s.40. Tiada catatan tentang tarikh dan cawangan pertama yang diwujudkan di Terengganu.

¹⁰¹ UMNO: Persatuan Kaum Ibu, **Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia pada 25 Ogos 1974**, Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1974, m.s.4. Dipercayai juga bahawa Leber Ngah bt Mahmud yang dibantu oleh Namaiah Ali bertanggungjawab mengumpul ahli dan menubuhkan bahagian Wanita di Kemaman. Sayap Kaum Ibu UMNO cawangan Kemaman amat aktif. Sila lihat, Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, op.cit., m.s. 40 & 98.

Terengganu.¹⁰² Walaubagaimanapun UMNO dikatakan tidak begitu subur di Kuala Terengganu dan Besut kerana pengaruh Parti Kebangsaan Melayu Malaya kuat di sini.

Mengikut sejarah, Persatuan Melayu Selangor mempunyai pergerakan wanita yang aktif dan bertanggungjawab membawa kepada penubuhan PKI sebagai satu bahagian dalam UMNO. Kegiatan berpersatuan wanita Selangor telah bermula seawal tahun 1940 oleh sekumpulan kecil wanita yang aktif menyusun aktiviti-aktiviti sosial untuk tentera British.¹⁰³ Ahli-ahli kumpulan ini kemudiannya menubuhkan Persatuan Kaum Ibu Selangor dalam bulan September 1945.¹⁰⁴ Mereka juga giat menghadiri perbincangan-perbincangan persatuan hingga membawa kepada penubuhan PKI. Dalam tempoh setahun, empat cawangan UMNO telah berjaya dibuka di Selangor dengan tujuan utama untuk menyokong gerakan menentang Malayan Union.¹⁰⁵ Persatuan Kaum Ibu Selangor telah mengambil inisiatif mengadakan perjumpaan dengan persatuan-persatuan wanita yang lain di Selangor dengan tujuan untuk digabungkan persatuan-persatuan ini di bawah satu kumpulan. Malah ketua PKI Selangor yang memulakan initiatif untuk bergerak bersama-sama dengan lelaki UMNO dalam memperjuangkan hak-hak Melayu.¹⁰⁶

¹⁰² Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, op.cit., m.s. 42

¹⁰³ Manderson, op. cit., m.s. 84.

¹⁰⁴ Ibid., m.s. 77

¹⁰⁵ Ibid., m.s. 84.

¹⁰⁶ Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 26-27.

Antara tokoh-tokoh wanita UMNO Selangor yang memainkan peranan penting mengembangkan pengaruh PKI atau PWU ialah Hajjah Enjah Mohd Ariff atau lebih dikenali sebagai Ibu Enjah.¹⁰⁷ Beliau merupakan pelupur penglibatan wanita luarbandar dalam UMNO. Beliau juga bertanggungjawab menubuhkan UMNO Cawangan Setapak dan Kaum Ibu. Apabila beliau berpindah ke Gombak, beliau juga bertanggungjawab menubuhkan UMNO cawangan Gombak.¹⁰⁸

4.4. Penubuhan Dewan Muslimat PAS (DMP)

Permulaan kegiatan politik wanita UMNO dan Muslimat PAS agak jauh berbeza. Setelah ditubuhkan pada tahun 1951, peranan wanita PAS dalam politik tanahair tidak ketara seperti PWU. Peranan PWU begitu menonjol terutama semasa proses menuntut kemerdekaan dan selepasnya.¹⁰⁹ Politik Muslimat PAS hanya mula menyengat selepas pilihanraya ke-10 pada tahun 1999. Itupun menurut Ramlah Adam (2000) berikut dengan kemasukan ramai golongan muda dan profesional ke dalam parti tersebut.¹¹⁰ Suara-suara professional wanita mula kedengaran memohon hak wanita diberi pertimbangan yang sewajarnya di dalam parti. Dr. Lo' Lo' dan Dr. Siti Mariah merupakan sebilangan daripada golongan wanita PAS yang nyaring memberi kritikan terhadap pucuk pimpinan PAS. Jikalau tidak DMP dikaitkan dengan sindrom bisu dan hanya menuruti kehendak kepimpinan. Malah perwakilan Muslimat sendiri pernah

¹⁰⁷ Nik Safiah Karim & Rokiah Talib, **Ibu Enjah Ibu Mithali**, DTP Enterprise Sdn. Bhd., Selangor, 2001, h.s. 69-85.

¹⁰⁸ Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia pada 25 Ogos 1974, m.s.25

¹⁰⁹ **Utusan Malaysia**, 2 Mei 1996.

¹¹⁰ **Utusan Malaysia**, 8 Jun 2000.

nenegur DMP yang dikatakan tidak aktif untuk membantu perjuangan PAS.¹¹¹ Mereka lebih senang memainkan isu-isu yang sama dan lapuk seperti persoalan rokok, makanan dan kekeluargaan.

Berbanding dengan wanita UMNO, tiada catatan yang komprehensif tentang sejarah penglibatan Muslimat PAS dalam politik Malaysia. Mengikut sejarah PAS, cadangan penubuhan DMP bermula pada tahun 1952 semasa mesyuarat Exco PAS. Ustaz Haji Zabidi Ali seorang ahli jawatankuasa Agung PAS di Seberang Perai telah menceadangkan agar sebuah bahagian untuk wanita ditubuhkan dan dikenali sebagai Dewan Muslimat PAS.¹¹² Hanya pada tahun 1953, DMP dilancarkan dalam Muktamar Kelima parti tersebut di Bagan Dato', Perak.¹¹³ Pada awalnya DMP diwakili oleh tujuh orang yang menjadi ahli jawatankuasa dan diketuai oleh Puan Sharifah Rahmah.¹¹⁴ Antara tujuan penubuhan DMP adalah untuk menolong mendokong dan menjayakan cicit-cita parti PAS yang dipimpin oleh kaum lelaki seperti di bawah:

¹¹¹ Nur Aishah Ismail, "Dewan Muslimat PAS Perlu Reformasi", **MASSA** Jun 22-29, 1996, m.s. 18.

¹¹² Temubual dengan Jamiliah Ibrahim, Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat di Parlimen pada 19 April 2000.

¹¹³ Dancz, *op. cit.*, m.s. 105.

¹¹⁴ **Mestika Kenangan**, Dewan Muslimat PAS Wilayah Persekutuan, Penerbitan Hizbi, Selangor, 1985, m.s. 22-23.

Rajah 4.2: Tujuan Penubuhan Dewan Muslimat PAS¹¹⁵

PERKARA
a) Menyatukan tenaga, fikiran dan pandangan kaum Muslimat PAS dalam negara ini untuk menyokong perjuangan PAS bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu untuk melaksanakan hukum Allah
b) Meluaskan pengaruh PAS di kalangan wanita-wanita Islam melalui kegiatan-kegiatan kewanitaan sambil membentuk peribadi mulia.
c) Menubuhkan Dewan Muslimat kawasan dengan kerjasama Badan Muslimat negeri

Sumber: Perlembagaan PAS (pindaan 1993) Fasal (59), m.s. 96-98

Pengkaji mendapati, wanita PAS tidak mempunyai rekod yang komprehensif tentang sejarah penubuhan mereka di Malaysia umunnya dan di setiap negeri khasnya. Menurut Nik Mayani (1995) yang membuat kajian tentang DMP di Terengganu, Muslimat tidak mempunyai rekod atau laporan terperinci mengenai kegiatan awal pergerakan ini. Mereka bergantung kepada ingatan dan pengalaman para pendokong awal pergerakan Dewan Muslimat. Walaubagaimanapun, adalah dipercayai di negeri Terengganu, cawangan wanita PAS yang pertama ditubuhkan ialah di Dungun dalam tahun 1956.¹¹⁶ Ia diketuai oleh Che Diah Abdul Rahman. Kemudian dalam tahun 1958, cawangan wanita PAS di Kuala Terengganu dan Besut turut ditubuhkan.¹¹⁷ Pada tahun 1973, Ustazah Zubaidah Ali iaitu Ketua DMPP telah merasmikan penubuhan Dewan Muslimat PAS di peringkat negeri¹¹⁸. Sehingga sekarang, terdapat empat orang ketua Dewan Muslimat Terengganu iaitu Hajah Fatimah Ismail (1956-1989), Hajah Aisyah

¹¹⁵ Dasar dan matlamat perjuangan DMPP adalah selari dengan prinsip perjuangan PAS. Perlembagaan PAS (pindaan 1993) Fasal 59, m.s. 96-98.

¹¹⁶ Penubuhan cawangan PAS yang pertama di Terengganu juga adalah di Dungun.

¹¹⁷ Sila lihat <http://www.party-pas.org/terengganu/history.htm> <14.5.2002>.

¹¹⁸ Ibid.

Awang (1989-1991), Zaidun Yusof (1991-1997) dan Fatimah Ibrahim (1997-hingga sekarang).¹¹⁹

Sehingga penulisan ini dibuat, pengkaji masih belum dapat mengumpul sebarang maklumat mengenai penubuhan atau perkembangan Dewan Muslimat PAS Selangor. Namun begitu, menurut Naib Presiden PAS, kegiatan muslimat PAS di Selangor yang paling awal adalah di Tanjung Karang dan Sabak Bernam.¹²⁰

PAS seperti UMNO meletakkan kepentingan untuk mencorak peranan dan fungsi ahli-ahli wanita berdasarkan nilai-nilai masyarakat Melayu tradisional sebagai penyokong kepada kaum lelaki dan dalam konteks ini sebagai penyokong parti.¹²¹ Wanita digunakan sebagai agen untuk mlariskan populariti parti di kalangan masyarakat Melayu. DMP dilihat sebagai sebuah pergerakan wanita yang tidak menyerlah dan dikuasai oleh pucuk pimpinan lelaki.¹²² Timbalan Presiden PAS, Zulkifli Mohamed (1987) pernah menegur sikap ahli-ahli DMP ini yang dikatakan tidak memainkan peranan yang aktif bagi membantu parti induk. Dalam ucapannya beliau menyebut;

...seksi (bahagian) wanita kita masih tertinggal di belakang parti-parti lawan kita terutamanya parti UMNO. Yang demikian adalah penting bagi kita mengambil langkah segera untuk mengatasi kemuduran kita ...Tugas ahli-ahli seksi wanita dalam pilihanraya nanti ialah memberi penerangan kepada pengundi terutama sekali dengan cara berkempen dari rumah ke rumah sehingga mereka dapat menarik kaum wanita dalam setiap kawasan pilihanraya supaya menyokong calon-calon PAS.¹²³

¹¹⁹ Temubual dengan Puan Zaironi Othman pada 26 Julai 2000 di Pejabat PAS Terengganu.

¹²⁰ Temubual dengan Ustaz Hassan Shukri di Pejabat Agung PAS pada 17 Mei 2002.

¹²¹ Abdul Akhir Bakar, "Partisipasi Wanita Dalam Senario Politik di Malaysia: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam", Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1995/1996, m.s. 109.

¹²² Dancz, op. cit.,m.s. 105.

¹²³ Manderson, op.eit., m.s. 214.

Ucapan ini jelas mengambarkan betapa besar peranan sokongan yang perlu dimainkan oleh DMP terutama semasa pilihanraya. Tambahan pula DMP tidak berjaya memainkan peranan membantu parti dan banyak cawangan DMP yang tidak aktif. Kebanyakan pendokong utama DMP ialah guru-guru agama di kampung dan wanita luar bandar yang tidak berpelajaran.¹²⁴ Tidak ramai golongan wanita terpelajar dan wanita bandar yang menyertai parti ini pada peringkat awal. Dewan Muslimat PAS dianggap sebagai sebuah pergerakan wanita yang lemah dan bergantung kepada populariti pemimpin supaya diterima oleh masyarakat.

Perlantikan Khadijah Sidek¹²⁵ sedikit sebanyak mengukuhkan andaian ini.¹²⁶ Ini kerana latar belakang Khadijah Sidek sendiri yang sebelumnya merupakan aktivis UMNO yang utama dan mampu mempengaruhi kaum wanita untuk menyertai UMNO. Malah sepanjang tempoh menjadi Ketua Dewan Muslimat, beliau berjaya meningkatkan jumlah ahli seramai 3000 orang. Beliau juga merupakan wanita pertama dilantik menduduki jawatankuasa tertinggi PAS oleh presiden parti pada tahun 1958.¹²⁷ Sejarah juga menyaksikannya diberi kepercayaan untuk menjadi calon dalam pilihanraya 1959 di peringkat parlimen.¹²⁸ Tetapi sehingga tahun 1964, peranan muslimat PAS masih tidak berkesan dan ketinggalan jauh kebelakang apabila dibandingkan dengan wanita UMNO.

¹²⁴ Ibid., 134.

¹²⁵ Khadijah Sidek telah dilantik menjadi Ketua Dewan Muslimat PAS pada tahun 1964-1966. Wan Hashim Wan The, *Memoir Khadijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*, Bangi, UKM, 1995, m.s.26-27.

¹²⁶ Sebagaimana nasibnya di dalam UMNO, Khadijah Sidek juga turut dipecat daripada PAS kerana kelantangannya terutama mengkritik sikap layanan kelas dua PAS kepada DMP. Ibid.

¹²⁷ Dancy, op.cit, m.s. 133.

¹²⁸ Ibid.

Pada awal penubuhannya, PAS mendapat sokongan kuat daripada di negeri-negeri yang majoriti penduduknya adalah orang Melayu seperti Terengganu, Kelantan dan Kedah. Ini kerana kebanyakannya guru-guru agama yang berpengaruh di kalangan masyarakat Melayu mengajar di pondok-pondok mendokongi perjuangan parti tersebut. Walaupun tidak sepopuler PKI, namun DMP turut terlibat mengemukakan isu-isu yang dekat dengan kehidupan orang-orang Melayu Islam seperti penyertaan wanita Islam dalam pertandingan ratu cantik.¹²⁹ Malah golongan pemimpin wanita DMP turut memberi perhatian kepada masalah-masalah ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Di bawah kepimpinan Zubaidah Ali, DMP dilihat sebagai bahagian parti PAS yang peka kepada taraf kehidupan masyarakat Melayu.¹³⁰ Namun begitu, DMP dianggap sebagai seksyen wanita yang hanya bekerja untuk kepentingan parti. Kejayaan PAS menakluki Kelantan dalam pilihanraya 1964 biarpun hasil usaha ahli-ahli DMP tetapi tidak diiktiraf.¹³¹ Tidak ada seorang pun wakil wanita yang dilantik dalam ahli jawatankuasa kerja PAS selepas kemenangan itu.¹³²

Dewan Muslimat PAS terus dengan imej '*low-profile*' dan hanya aktif bergiat semasa pilihanraya diadakan. Namun di bawah kepimpinan Sakinah Junid yang mengantikan Khadijah Sidek¹³³ dalam tahun 1967, DMP mula bangkit dan menyuarakan

¹²⁹ Ibid, m.s. 134.

¹³⁰ Ibid.

¹³¹ Ibid, m.s. 192.

¹³² Ibid, m.s. 135.

¹³³ Khadijah Sidek walaupun merupakan pejuang wanita yang aktif semasa berada di bawah PKI dan giat menuntut persamaan hak bagi kaum wanita, tetapi tidak begitu menonjol semasa beliau di bawah PAS. Tiada catatan yang dapat diperolehi mengenai ucapan atau tindakan beliau yang menggambarkan semangat juang seperti semasa beliau berada di dalam wanita UMNO. Beliau pernah dilantik menjadi Ahli Dewan Rakyat Kawasan Dungun di Terengganu dari tahun 1959 hingga 1964. Dalam tahun 1969 beliau telah

ketidakpuasan mereka. Sakinah Junid merupakan seorang Ketua DMP yang lantang nempersoalkan sikap ‘*double standard*’ yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin PAS terhadap DMP. Beliau mengkritik sesetengah ahli PAS yang tidak membenarkan isteri serta ahli keluarga terutama kaum wanita untuk terlibat dalam parti.¹³⁴ Keterbatasan berkembangan penglibatan DMP dalam politik dihalang oleh sikap para pemimpin lelaki parti.

Ketidakadilan layanan pemimpin PAS terhadap DMP semakin dirasai apabila pilangan calon DMP yang diketengahkan dalam pilihanraya amat kecil. Misalnya dalam tahun 1969, hanya Salmah Sheikh Hussein yang bertanding menentang Fatimah Hasyim pada peringkat parlimen yang menyaksikan calon PAS kalah dengan majoriti 15,145 kepada calon UMNO.¹³⁵ Biarpun peranan yang dimainkan oleh DMP besar untuk nempengaruhi rakyat menyokong parti ini tetapi ruang untuk mereka mengembangkan kerjaya politik adalah terbatas. Hal ini menjadi perhatian dan dibangkitkan oleh Sakinah Junid semasa beliau menjadi ketua DMP.¹³⁶ Bahkan pencalonan Khadijah Sidek dalam pilihanraya 1969 mengambil kesempatan daripada kekeruhan PWU. PAS amnya tidak memberi ruang kepada kaum wanita untuk bergiat aktif dalam barisan kepimpinan. Perkara ini tidak menjadi perkara dasar parti kerana perlembagaan PAS tidak menyatakan

neninggalkan PAS dan menyertai UMNO pada tahun 1971. Sejak itu nama beliau tenggelam dan tidak lagi menonjol sebagai pemimpin wanita. Wan Hashim Wan Teh, op. cit., m.s. 26-29

¹³⁴ Dancz, op.cit., m.s. 193. Dalam satu ucapannya, Sakinah Junid menegur sikap sesetengah ahli parti yang tidak memberi ruang kepada wanita terlibat secara aktif dan menganggap bahawa wanita Islam hanya harus berada di rumah dan tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

¹³⁵ Ibid.

¹³⁶ Ibid., m.s. 192-193.

bahawa wanita tidak boleh menjadi calon atau memegang jawatan presiden parti itu sendiri.¹³⁷

Corak organisasi DMP pada peringkat awal penubuhan sebelum 1971 lebih banyak bergantung kepada struktur dan arahan pemimpin PAS di peringkat induk. Pada waktu itu, DMP ditubuhkan sebagai cawangan sekiranya mempunyai 25 orang ahli. Pada peringkat negeri, diadakan pula majlis mesyuarat agung dan ahli jawatankuasa khas DMP akan dilantik. Namun begitu, DMP tetap dikuasai oleh golongan lelaki kerana ahli DMP perlu mendapat persetujuan daripada pucuk pemimpin untuk melantik wakil mereka di peringkat cawangan dan nasional. Pemilihan ahli jawatankuasa DMP bergantung kepada kelulusan ahli jawatankuasa kerja tertinggi PAS. Malah aktiviti seperti Majlis Mesyuarat Agung DM juga berada di bawah pengurusan Jawatankuasa Agung PAS. Malah DMP tidak mempunyai bidang kuasa yang luas dan merupakan sebuah bahagian wanita parti yang lemah.¹³⁸ Pindaan yang dibuat dalam perlembagaan parti dalam tahun 1971 merubah status DMP. Dewan Muslimat PAS kemudiannya mempunyai struktur organisasi dan kuasa pentadbiran yang berasingan dari PAS serta mempunyai bidang kuasa yang setanding dengan Dewan Ulamak dan Dewan Pemuda.

Sistem keahlian DMP tidak meletakkan syarat umur atau sasaran umur yang tetap untuk diterima sebagai ahli. Sebaliknya seseorang itu boleh menyertai DMP sekiranya beliau sudah akhir baligh menurut syara'. Ini memperlihatkan sistem keahlian DMP yang tidak jelas dan longgar. Adalah sukar untuk mengenalpasti sama ada seseorang wanita itu

¹³⁷ Temubual dengan Dato' Fadhil Noor di Parlimen pada 28 Februari 2000. Sila lihat juga **Perlembagaan PAS** (Pindaan 1993), Fasal 7, m.s. 4-7 dan 17-18.

¹³⁸ Dancz, op. cit., m.s. 134.

sudah mencapai tahap baligh atau tidak. Dalam tahun 1976 ahli-ahli PAS dianggar berjumlah seramai 116,000 orang tetapi hanya 18,000 yang menjadi ahli DMP.¹³⁹ Kebanyakan ahli pula terdiri daripada wanita luar bandar yang tidak berpelajaran. Ramai di antara mereka merupakan surirumahtangga sahaja. Perkara ini sudah tentu menimbulkan masalah kepada organisasi dan struktur pentadbiran DMP sendiri. Malah sehingga ke hari ini kebanyakan jawatan-jawatan di peringkat bahagian atau cawangan dipegang oleh golongan wanita tua yang mempunyai kadar celik yang rendah.

Ketua DMP yang keempat mengakui hakikat bahawa tidak ramai wanita bandar dan yang berpendidikan berminat untuk menyertai DMP. Ini kerana aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Dewan Muslimah pada awal pergerakannya tidak berbeza dengan wanita UMNO. Seperti wanita UMNO, DMP juga cenderung melakukan kegiatan-kegiatan yang mengukuhkan peranan tradisi wanita Melayu yang bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan rumahtangga. Antara aktiviti yang dijangka boleh menarik minat wanita Melayu ialah aktiviti-aktiviti berbentuk kebajikan dan kemahiran hidup iaitu menjahit, memasak dan aktiviti-keagamaan¹⁴⁰ selain daripada berkempen. Walau bagaimanapun antara aktiviti DMP yang paling popular ialah kelas-kelas agama. Ini tidak menghairankan memandang guru-guru agama merupakan pendorong dan pengiat kepada perkembangan DMP.

Dewan Muslimat PAS dilihat tidak bersungguh-sungguh dalam memperjuangkan kedudukan kaum wanita agar setaraf dengan lelaki. Tuduhan ini dilemparkan berikut

¹³⁹ **Ibid.**, m.s. 194.

¹⁴⁰ **Ibid.**, m.s. 133.

tiadaan calon wanita PAS dalam pilihanraya. Sewaktu PAS bekerjasama dengan Semangat 46, Berjasa dan HAMIM, serta membentuk sebuah gabungan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dalam pilihanraya 1990-1995, kaum wanitanya masih pinggirkan dalam pilihanraya. Hanya Semangat 46 sahaja yang meletakkan calon wanita dalam pilihanraya tersebut.¹⁴¹ Selepas perpecahan APU dan dalam pilihanraya terusnya, PAS masih lagi kekal dengan polisinya untuk tidak meletakkan wanita sebagai calon. Ramlah Adam (2000) mendakwa ini adalah kerana PAS masih lagi belenggu oleh pandangan tradisional serta perspektif Islam orang Melayu yang emperempitkan peranan wanita dalam masyarakat.¹⁴²

Proses pemodenan atau perubahan dalam PAS amnya dan DMP khasnya boleh katakan bermula pada tahun 80an. Dua faktor utama yang mempengaruhi proses ini ialah pengaruh Anwar Ibrahim serta kemasukkannya dalam UMNO¹⁴³ serta gerakan fundamentalis dan revivalisma Islam di Malaysia.¹⁴⁴ Dua orang tokoh muda DMP iaitu Zairi Othman dan Hasrina mendakwa mereka mula bergiat dalam bidang politik dan gerakan Islam semasa berada dalam institusi pendidikan tinggi dan mengikuti aktiviti-

¹ Muhamad Agus Yusof, "Pilihanraya 1990: Mengapa Rakyat Kelantan Menolak Barisan Nasional," dalam Muhamad Agus Yusof, *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*, UKM, Selangor, 1995, m.s. 150. Calon wanita yang dimaksudkan ialah Hajah Illani Ishak di kawasan Parlimen Kota Bharu dan menang dengan majoriti 15,460 undi. Selain daripada itu, Hajah Kalthom Haji Ahmad orang lagi calon Semangat 46 telah menang di kawasan Temenggan dalam pilihanraya umum 1990. Itimah Abdullah, "Wanita dan politik di Kelantan", dalam Mohamed Agus Yusof (pnyt), *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955-1995*, UKM, Selangor , 1995, m.s. 95.

² *Utusan Malaysia*, 2 Mei 1996.

³ Temubual dengan Senator Sufinah Yusof di Markas PAS di Batu Enam, Terengganu pada 8 Mei 2000, ian Zairi Othman di Markas PAS Kuala Terengganu pada 26 Julai 2000 dan Puan Wan Hasrina di Markas PAS Ampang Jaya pada 12 Julai 2000.

⁴ *Utusan Melayu*, 8 Jun 2000.

aktiviti yang dijalankan oleh ABIM¹⁴⁵ dan Al-Arqam.¹⁴⁶ Apabila Anwar memilih UMNO sebagai platform politiknya dalam tahun 1982, kebanyakan pelajar-pelajar yang aktif dalam gerakan Islam menyertai PAS.¹⁴⁷ Tahun-tahun 80an yang berikutnya menyaksikan pemerkasaan golongan muda terpelajar dalam DMP sebagai pendokong kegiatan dan aktiviti yang dijalankan oleh PAS. Menurut Ramlah Adam (2000), golongan ini memilih PAS kerana percaya bahawa parti ini mampu memenuhi keperluan tuntutan untuk melaksanakan wadah perjuangan mereka.¹⁴⁸ Sejauhmana kehendak golongan profesional ini dipenuhi oleh PAS masih menjadi persoalan kerana wanita masih belum diberi peluang secukupnya walaupun ramai di antara mereka amat berwibawa.

Seterusnya Fatimah Ibrahim mendakwa DMP menjadi tenaga bantu PAS yang lebih aktif berbanding dengan pemuda dan membuat hasil yang amat memuaskan dalam pilihanraya 1999.¹⁴⁹ Beberapa orang tokoh DMP mendakwa, gerakan mereka tidak ketara kerana media perdana hanya memfokuskan kepada perkembangan dan aktiviti PWU sahaja. Namun begitu keputusan pilihanraya 1999 memberi tampanan hebat kepada

¹⁴⁵ ABIM atau Angkatan Belia Islam Malaysia ditubuhkan pada tahun 1971 dan mula mendapat pengaruh di bawah kepimpinan Anwar Ibrahim. Sila lihat Zainah Anwar, *Islamic Revivalism in Malaysia: Dakwah Among The Students*, Petaling Jaya, Pelanduk Publications, 1987, m.s. 20-37.

¹⁴⁶ Temubual dengan Senator Sufinah Yusof di Markas PAS di Batu Enam, Terengganu pada 8 Mei 2000, Puan Zairani Othman di Markas PAS Kuala Terengganu pada 26 Julai 2000 dan Puan Wan Hasrina di Markas PAS Ampang Jaya pada 12 Julai 2000.

¹⁴⁷ Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*, Selangor, Penerbit Fajar Bakti, 1987, m.s. 50-52.

¹⁴⁸ *Utusan Malaysia*, 8 Jun 2000.

¹⁴⁹ Temubual dengan Puan Fatimah Ismail di Markas PAS Kubang Lembik, Terengganu pada 29 Julai, 2000.

wanita UMNO kerana golongan yang menyokong DMP bukan lagi wanita kampung yang tidak berpelajaran tetapi juga golongan muda terpelajar dan para profesional.¹⁵⁰

Tahun 1990an menyaksikan DMP sebagai sebuah pergerakan wanita yang mendapat sambutan di kalangan wanita Melayu. Suara Dr. Lo'lo' dan Dr Siti Mariah dikatakan mampu membawa perubahan kepada DMP untuk diterima oleh wanita Melayu sebagai sebuah pergerakan yang bukan sahaja memperjuangkan kepentingan wanita tetapi juga agama. Kelantangan kedua orang tokoh wanita ini dalam Muktamar PAS yang ke-46 dalam tahun 2000, memperlihatkan keberanian wanita profesional PAS untuk menyuarakan hak mereka dan mengkritik kepimpinan. Namun begitu dalam menjustifikasi tindakan beliau ini, Dr Lo' Lo' menjelaskan bahawa PAS sememangnya tidak mendiskriminasikan kaum wanita tetapi memberi kebebasan kepada wanita PAS untuk bersuara.¹⁵¹ Tindakan segelintir wanita PAS ini membawa petanda bahawa sudah berlaku perubahan dalam organisasi PAS.¹⁵² Tindakan Dr. Lo'Lo mengkritik kepimpinan PAS telah mempopularkan DMP di kalangan masyarakat. Bahkan ahli-ahli DMP juga dilihat lebih berani dan terbuka menegur pucuk pimpinan parti berbanding dengan pemuda PAS.¹⁵³

¹⁵⁰ Siti Mariam Mohd Zain, "Muslimat PAS Tidak Takut Bersuara", MASSA, 10-16 Jun 2000, m.s. 18-20.

¹⁵¹ Ibid., m.s. 21-22. Sila lihat juga "Mengapa Dr. Lo'Lo' Kritik Kepimpinan PAS", Al-Wasilah, Julai 2000, m.s. 29-33. DMP mendakwa sesetengah pihak telah mengeksplotasi isu ini untuk menunjukkan bahawa wanita PAS ditindas, tetapi persoalan mengenai calon wanita PAS dalam pilihanraya dan kedudukan pemimpin wanita PAS tidak setaraf dengan pemimpin lelaki hanyalah bertujuan untuk menjawab dan memberi penjelasan kepada wanita-wanita daripada Barisan Alternatif yang lain mengenai prinsip dan dasar PAS mengenai kedudukan wanita. Boleh didapati di <http://www.muslimat/akhbar/kahbaroktoo.html>.

¹⁵² Siti Mariam Mohd Zain, "Muslimat PAS Tidak Takut Bersuara", MASSA, 10-16 Jun 2000, m.s. 18-20.


¹⁵³ Utusan Malaysia, 23 Mei 2001.

Hari ini DMP mendakwa ia sudah dibanjiri oleh golongan muda dan golongan profesional. Kaum wanita yang menyertai DMP bukan hanya terdiri daripada wanita kampung yang tidak tahu menulis atau membaca tetapi juga golongan wanita yang berkelulusan tinggi dan wanita bandar. Walaupun tidak dapat dipastikan sejauhmana kesetiaan mereka kepada perjuangan PAS amnya dan DMP khususnya tetapi ini telah menunjukkan satu perubahan yang positif kepada perkembangan PAS itu sendiri. Diharap dengan kemasukan golongan baru ini, DMP akan terkeluar daripada belenggu konservatif parti yang membataskan penglibatan wanita dalam politik.

4.5. Kedudukan Wanita Dalam UMNO dan PAS

Penilaian mengenai kedudukan wanita dalam parti UMNO dan PAS akan dibuat berdasarkan kepada dua sumber utama iaitu **Perlembagaan UMNO** edisi 1988 yang akan disebut **PU 1988** serta **Perlembagaan PAS**, pindaan 2001 dan disebut **PP 2001**. Fokus utama bahagian ini adalah untuk menilai pendekatan UMNO dan PAS terhadap ahli wanita mereka. Bahagian ini cuba menekankan tentang perbezaan kedudukan wanita dalam UMNO dan PAS. Sekiranya diteliti carta organisasi PAS dan UMNO, secara umumnya didapati tiada perbezaan yang nyata antara kedua parti ini. Rajah 4.3 dan 4.4 menunjukkan struktur pentadbiran kedua parti ini.


Rajah 4.3: Struktur Pentadbiran UMNO



Sumber: Kajian Penulis (2000)

Nota: Kajian ini hanya tertumpu kepada Pergerakan Wanita UMNO. Pada masa kajian ini dijalankan, Puteri UMNO masih berbentuk *ad-hoc*.

Rajah 4.4: Struktur Pentadbiran PAS



Sumber: Kajian Penulis (2000)

Majlis Tertinggi UMNO merupakan badan pentadbiran yang tertinggi dalam parti itu yang menjalankan pentadbiran hal ehwal UMNO. Ia terdiri daripada 52 orang ahli yang dipilih semasa Perhimpunan Agung UMNO manakala 8 orang yang lain dilantik oleh Presiden.¹⁵⁴ Sementara PAS mempunyai Majlis Syura Ulama' yang merupakan kuasa tertinggi dalam parti untuk mengarah dan menentukan dasar serta ketetapan parti dipatuhi oleh para ahli. Ia dianggotai oleh 15 orang ahli yang dilantik daripada kalangan ahlijawatankuasa Kerja PAS dan ahli Dewan Ulamak.¹⁵⁵ Manakala Jawatankuasa Kerja PAS pula berperanan untuk melaksanakan pentadbiran, gerakan dan kegiatan PAS yang terdiri daripada 35 orang. Seramai lima orang wanita berada di dalam Jawatankuasa Kerja PAS mempunyai lima orang wakil wanita tetapi tidak ada seorang pun wakil dalam Majlis Syura Ulamak.

Umumnya Perlembagaan UMNO dan Perlembagaan PAS mempunyai sayap wanita yang dikenali sebagai Pergerakan Wanita UMNO dan Dewan Muslimat PAS. Dasar serta matlamat penubuhan mereka selari dan memenuhi dasar dan matlamat parti. Kedua-dua parti ini pada dasarnya membuka peluang untuk menjadi ahli kepada wanita dan lelaki. UMNO membuka peluang yang sama kepada lelaki dan wanita untuk menjadi ahli. Pada dasarnya, prinsip UMNO memperuntukkan dan membenarkan penglibatan wanita di peringkat kepimpinan sama ada di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan pusat. UMNO memberi galakan kepada wanita untuk terlibat secara aktif dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Sumbangan wanita di dalam parti UMNO amat besar. Sumbangan mereka yang paling penting ialah bekerjasama dengan kaum lelaki

¹⁵⁴ Perlembagaan UMNO edisi 1988, m.s. 124-125

¹⁵⁵ Perlembagaan PAS, pindaan 2001, m.s. 5-6.

menentang kuasa penjajah dan seterusnya menuntut kemerdekaan. Bukan itu sahaja, wanita UMNO juga turut bertungkus lumus menyebarkan pengaruh UMNO di kalangan rakyat.

Secara umumnya, dalam kerajaan pimpinan UMNO, daripada 70 orang anggota kabinet, 7 orang merupakan wanita. Sementara beberapa orang wanita lagi dilantik memegang jawatan yang dulunya dikuasai oleh lelaki. Di dalam struktur parti pula, didapati Ketua Pergerakan Wanita UMNO secara langsung merupakan ahli Majlis Tertinggi UMNO. Selain itu, Presiden parti juga boleh melantik wakil dari kalangan wanita untuk menganggotai majlis tersebut. Setakat ini terdapat empat orang wanita dalam Majlis Tertinggi UMNO.¹⁵⁶ Sementara itu wanita juga dilantik untuk menganggotai Badan Perhubungan UMNO. Di peringkat bahagian pula, Ketua Wanita menjadi salah seorang daripada tiga Naib Ketua. Selain itu, tidak ada halangan bertulis yang mengatakan wanita UMNO tidak dibenarkan untuk bertanding jawatan Presiden dan Naib Presiden parti.

Sebenarnya, peranan wanita UMNO dalam pentadbiran negara sudah lama bermula sejak perbincangan untuk menentukan Persekutuan Tanah Melayu diadakan pada tahun 1948. Perwakilan kaum wanita di kalangan pemimpin lelaki membuktikan bahawa UMNO mengiktiraf peranan dan kebolehan wanita dalam politik. Malah UMNO sejak tahun 1959 sehingga 1999 memberi peluang kepada kaum wanita untuk bertanding dalam pilihanraya. Malah mereka juga dilantik memegang jawatan dalam barisan kabinet.

¹⁵⁶ Mereka terdiri daripada Dato' Sri Rafidah Aziz, Dato' Dr. Zaharah Sulaiman, Azlina Othman, Dr. Norraesah Mohamad.

Wanita UMNO dipilih untuk menjadi menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri diterajui oleh seorang wanita. Bilangan wanita di peringkat membuat keputusan dalam badan-badan kerajaan juga bertambah. Umumnya ruang untuk wanita UMNO berperanan di peringkat kepimpinan dilihat lebih luas dan terbuka berbanding dengan PAS.

Namun begitu, penonjolan tokoh-tokoh wanita UMNO masih terbatas. Bilangan mereka masih tidak ramai dan tidak menonjol seperti tokoh-tokoh lelaki. Dasar dan prinsip UMNO memberikan peluang dan ruang yang lebih terbuka kepada wanita untuk berada dalam barisan membuat keputusan di dalam politik tetapi bilangan mereka yang memegang jawatan di peringkat kepimpinan tertinggi masih kecil. Jika disenaraikan jumlah perwakilan wanita di peringkat kerajaan pusat, perbezaan di antara lelaki dan wanita begitu ketara sekali. Sesungguhnya, sebagai sebuah parti pemerintah, UMNO mempunyai peluang yang lebih besar untuk menonjolkan kaum wanita sebagai pemimpin. Jumlah ahli-ahli wanita yang ada di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara, Dewan Undangan Negeri, Ahli Exco Negeri dan sebagainya, ternyata masih tidak memuaskan atau menggambarkan kerterbukaan penuh UMNO terhadap kepimpinan wanita.

PAS mendakwa perlombagaan parti meletakkan kepentingan untuk memperjuangkan sebuah negara Islam.¹⁵⁷ Secara teorinya PAS inginkan syariat Islam

¹⁵⁷ Persoalan mengenai perbezaan di antara perjuangan PAS dan UMNO berhubung dengan perlaksanaan negara Islam diuraikan dengan lebih terperinci oleh Ibrahim Abu Bakar, "Perbandingan Pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO", dalam Wan Hashim Wan Teh (pnyt), **UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan**, Mahir Publications, Kuala Lumpur, m.s. 102-129. Sila lihat juga Ibrahim Ahmad, **Konflik UMNO dan PAS Dalam Isu Islamisasi**, Kuala Lumpur, IBS Buku Sdn. Bhd, 1989, dan, Ibnu Hasyim, **Konflik UMNO-PAS Suatu Penyelesaian Menurut Islam**, Kuala Lumpur, GG Edar, 1993.

diletak sebagai asas dalam pemerintahan dan undang-undang negara. Mereka mendakwa sumber utama Perlembagaan PAS didasarkan kepada Al-Quran dan Hadis. Ini secara tidak langsung mengutamakan kaum lelaki dari segi kepimpinan dalam masyarakat sepetimana amalan yang dilakukan di dalam saf sembahyang. Pada pandangan PAS, walaupun sembahyang itu merupakan sebahagian daripada amalan-amalan yang dituntut oleh Islam tetapi ia merupakan satu simbol kepada kedudukan lelaki dan wanita dalam masyarakat.

Ringkasnya PAS mengamalkan prinsip dan dasar yang dipercayainya mengikut lunas-lunas Islam yang mengutamakan kaum lelaki maka ia tidak memberi ruang kepada wanita PAS di peringkat kepimpinan. Wanita diberi peluang untuk menjadi ahli, penyokong serta aktivis parti tetapi tidak sebagai ketua. Kerja-kerja wanita PAS lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti sokongan di peringkat kawasan, negeri dan pusat. Apabila diteliti Perlembagaan PAS, didapati peranan besar yang boleh dimainkan oleh wanita hanya sebagai Ketua Dewan Muslimat PAS dan kemudian dilantik menjadi anggota di dalam Jawatankuasa Kerja PAS,¹⁵⁸ walaupun taraf Ketua Muslimat adalah sama seperti Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda dan Naib Presiden. Meskipun wanita diberi peluang untuk bertanding dalam mana-mana jawatan di peringkat tersebut, tetapi hingga kini tidak ada seorang pun yang menawar diri.¹⁵⁹ Manakala di peringkat Jawatankuasa Kawasan pula, dua orang dari Ketua Dewan Muslimat Kawasan akan

¹⁵⁸ Khadijah Sidek sahaja yang pernah di antik menganggotai Jawatankuasa Kerja PAS, bukan di atas tiket Ketua Dewan Muslimat. Wan Hashim Wan Teh, op.cit., m.s. 175.

¹⁵⁹ Lima orang wanita di dalam Jawatankuasa Kerja PAS Pusat ialah Ketua Dewan Muslimat Jamilah Ibrahim, Dr. Lo' Lo' Ghazali, Dr. Mariah dan Puan Fatimah Ibrahim. Tetapi perkembangan terbaru menunjukkan Muslimat sudah berani menawarkan diri untuk bertanding merebut jawatan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat. Sila lihat Utusan Malaysia, 23 Mei 2001; Harakah, 18 Mei 2001.

menjadi ahli. Sementara Ketua dan Setiausaha DM Negeri pula dilantik menjadi ahli dalam Perhubungan PAS Negeri/Wilayah Persekutuan dan Ketua Dewan Muslimat Negeri menjadi ahli di dalam Jawatankuasa Harian PAS Negeri-negeri. Terdapat satu lagi majlis yang lebih tinggi daripada Jawatankuasa Kerja iaitu Majlis Syura Ulama'. Di dalam Majlis Syura Ulama' pula, belum pernah seorang wanita dilantik untuk mendudukinya. Setiap ahli Majlis ini mesti memenuhi beberapa kriteria yang tertentu yang amat berat untuk dipatuhi.¹⁶⁰

Sejarah PAS memperlihatkan wanita pernah menjadi wakil rakyat. PAS tidak dinasikan memberi peluang kepada wanita untuk bertanding dalam pilihanraya tetapi peluang ini adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan gerak kerja dan sokongan wanita di dalam PAS. Menurut Datuk Fadhil Nor, peluang untuk wanita dilantik sebagai calon adalah bergantung kepada kewibawaan tokoh wanita itu serta keperluan kepada perlantikan calon di kalangan wanita. Beliau mendakwa belum ada desakan dalaman yang serius mengenai hal ini.¹⁶¹ Dewan Muslimat PAS ternyata tidak mempunyai tokoh-tokoh wanita yang berwibawa dan dianggap layak untuk bertanding dalam pilihanraya atau menganggotai barisan kepimpinan PAS.¹⁶²

¹⁶⁰ Antara syaratnya termasuk, seseorang yang mengetahui masalah-masalah pokok dalam syariat Islam dan hukum-hukumnya dan dapat merujuk masalah-masalah itu kepada Al-Quran, As-Sunnah dan kitab-kitab yang muktabar dan bersumberkan Al-Quran, AS-Sunnah, Ijma'k, dan Qias dengan faham akan maksud dan maknanya yang muktabar dan hendaklah seorang yang adil yakni tidak melakukan dosa besar atau terus menerus melakukan dosa kecil dan hendaklah terpelihara maruahnya serta hendaklah seorang ahli PAS. Sila lihat PP 1993, 1992, Fasal 7.(4) (a).

¹⁶¹ Temubual dijalankan pada 28 Februari 2000. Pada masa tersebut masih belum timbul isu perlantikan calon wanita PAS di kalangan ahli-ahli PAS.

¹⁶² Bekas Ketua DMP iaitu Sakinah Junid walaupun giat mengkritik sikap tidak peka ahli-ahli PAS terhadap peranan wanita dalam politik, beliau tidak pula membangkitkan soal kepimpinan wanita di peringkat tertinggi parti.

Kebelakangan ini sahaja bilangan wanita berpendidikan tinggi dan golongan profesional semakin ramai membanjiri PAS. Ini kerana mereka percaya PAS mampu memenuhi kehendak mereka dan berpendapat UMNO sudah menyeleweng daripada perjuangan asal.¹⁶³ Ada di antara mereka yang berani tampil menyuarakan permasalahan bersifat gender di dalam parti. Oleh itu, dua faktor utama yang mempengaruhi pendirian PAS terhadap kedudukan wanita ialah prinsip Islam yang diperjuangkan oleh PAS dan penglibatan golongan wanita berwibawa di dalam PAS. Walaupun telah ada wanita yang berwibawa dan berpendidikan tetapi PAS masih terus berpegang kepada prinsip tidak membenarkan wanita bertanding dalam pilihanraya atau melantik lebih ramai wanita di peringkat tertinggi parti. Biarpun dikecam oleh ramai pihak yang mendakwa tindakan PAS sebagai satu bentuk diskriminasi yang tidak mengiktiraf kebolehan dan kemampuan wanita sebagai pemimpin tetapi itulah yang menjadi pegangan politik PAS.

Kesimpulannya, umum mengetahui PAS sememangnya tidak meletak wanita di peringkat membuat keputusan tetapi lebih mengutamakan kaum lelaki. Itulah risiko yang terpaksa dilalui oleh wanita yang menyertai PAS. Mereka tidak dapat memainkan peranan yang lebih besar dari segi kedudukan di dalam parti tetapi sekadar penyokong dan penggerak aktiviti parti. Prinsip PAS yang berpendirian bahawa pemimpin seharusnya dipilih di kalangan kaum lelaki secara tidak langsung menutup ruang dan peluang kepada kaum wanita.

Bagi UMNO pula, peluang untuk ahli wanitanya maju dan berada dalam barisan kepimpinan adalah lebih baik daripada wanita PAS. Ini kerana UMNO mengambil pendekatan yang lebih demokratik dengan menggalakkan kaum wanitanya bukan sahaja

¹⁶³ Temubual dengan YB Nasharuddin Isa di Parlimen pada 13 April 2000.

aktif menjalankan kerja-kerja parti tetapi juga memberi mereka lebih peluang untuk berperanan di peringkat kepimpinan. Bagaimanapun, penguasaan kaum lelaki Melayu masih lagi membatasi penglibatan wanita UMNO dalam kepimpinan parti, negeri dan kebangsaan.